



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

Cuti Y.B. Tuan Bujang bin Haji Ulis—Kebenaran [Ruangan 8103]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8103]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985—

Jawatankuasa:

Jadual—

Maksud B. 28, B. 29, B. 30, B. 31 dan B. 32 [Ruangan 8144]

Maksud B. 27 [Ruangan 8172]

**USUL:**

Anggaran Pembangunan, 1985—

Jawatankuasa:

Maksud P. 28, P. 31 dan P. 64 [Ruangan 8144]

Maksud P. 27 [Ruangan 8172]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

- Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.  
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Rabu, 21hb November, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN  
TIMBALAN YANG  
DI-PERTUA

CUTI Y.B. TUAN BUJANG  
BIN HAJI ULIS—KEBENARAN

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberi tahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Yang di-Pertua mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April 1961, Yang di-Pertua telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan, kepada Yang Berhormat Tuan Bujang bin Haji Ulis dari 26hb November, 1984 hingga 6hb Disember, 1984.

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PUSAT PERDAGANGAN  
EKSPORT MALAYSIA (MEXPO)

1. **Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah rancangan yang dijalankan oleh Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) dalam rangka mempergiatkan galakan eksport

kepada pengusaha-pengusaha tempatan bagi memperluaskan lagi pasaran barangan Malaysia di luar negeri; dan

- (b) sejauh manakah berjayanya Kerajaan mengatasi masalah Dasar Perlindungan negara-negara maju ke atas barangan negara-negara membangun dunia ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):**

Tuan Yang di-Pertua, semenjak ditubuhkan pada tahun 1980, Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) telah mengadakan berbagai kegiatan bagi membantu para pengeksport tempatan dalam usaha untuk menggalakkan pengeksportan barang-barang perkilangan dan separuh perkilangan serta memperkenalkan negara ini kepada pengimport-pengimport antarabangsa.

Bagi membantu para pengeksport tempatan melengkapkan diri mereka dengan maklumat-maklumat perdagangan dan situasi pasaran luar negeri, MEXPO dengan bantuan Kerajaan-kerajaan asing dan Badan-badan Antarabangsa seperti Bantuan Teknikal Kerajaan Canada, Kesatuan Ekonomi Eropah, Australia dan Jepun, sentiasa mengadakan seminar dan bengkel yang sehingga kini berjumlah 48 seminar. Khidmat pakar-pakar perunding dan pasaran juga diperolehi oleh MEXPO untuk membantu pengeksport tempatan mengenai pasaran, pengubahsuaian barangan, maklumat perdagangan, pembungkusan dan rekabentuk

barangan keluaran syarikat mereka bagi memenuhi kehendak pasaran luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 1,445 buah syarikat tempatan telah berdaftar dengan MEXPO. Bagi membantu para pengeksporth tempatan mendapatkan pasangan perdagangan, MEXPO dari masa ke semasa mendaftarkan syarikat-syarikat asing berjumlah 2,035 buah syarikat yang telah menyatakan keinginan untuk mendapatkan bekalan dari Malaysia. MEXPO juga mengedarkan pertanyaan-pertanyaan perdagangan, risalah-risalah perdagangan, kajian-kajian pasaran, maklumat-maklumat perdagangan dan tender-tender secara terus kepada pengeksporth tempatan, pertubuhan-pertubuhan perdagangan dan sogososha bagi maksud melayani permintaan dari pengimport luar negeri.

Menyedari pentingnya promosi bagi barang-barang buatan Malaysia, MEXPO menyediakan ruang pameran bagi maksud memperkenalkan barang-barang keluaran syarikat-syarikat tempatan. Sebanyak 262 buah syarikat telah mempamerkan barangan mereka di MEXPO di mana penukaran dan perubahan seringkali dibuat oleh Pusat ini. Sejumlah 11,074 pelawat dalam dan luar negeri telah berkunjung ke MEXPO sejak pembukaannya. Sayogia dimaklumkan, pelawat-pelawat yang berkunjung ke Pusat ini adalah terdiri daripada pembeli-pembeli dari luar negeri ataupun pengunjung-pengunjung yang berkehendakkan khidmat yang diberi oleh pihak MEXPO.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MEXPO telah mengeluarkan beberapa terbitan perdagangan untuk faedah pengeksporth-pengeksporth

Malaysia. Maklumat-maklumat semasa seperti pertanyaan perdagangan, seminar, rombongan perdagangan, tawaran tender, peraturan-peraturan perdagangan, kajian pasaran, dan tinjauan pasaran dimuatkan dalam terbitan-terbitan yang diedarkan kepada para pengeksporth tempatan, agensi-agensi perdagangan asing, dewan-dewan perniagaan dan persatuan dan organisasi perdagangan.

Adalah menjadi hasrat MEXPO untuk mempergiatkan dan memperlipatgandakan aktiviti-aktiviti dari masa ke semasa bagi membantu para pengeksporth tempatan menembusi pasaran-pasaran luar negeri dan bersaing dengan pengeluaran-pengeluaran dari lain-lain negara. (b) dalam menghadapi dasar perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara maju, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara membangun, telah dan sedang mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah tersebut. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah melalui perundingan yang dianjurkan oleh General Agreement on Tariffs and Trade (GATT) dan United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD), perundingan secara dua hala serta dialog . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya fikir semalam Yang Berhormat telah memberi jawapan kepada satu lagi soalan yang agak sama maksudnya, bahagian (b).

**Tuan Oo Gin Sun:** Bahagian (b) ada sedikit termasuk.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Oo Gin Sun:** . . . . ASEAN diadakan dengan negara-negara maju. Melalui kaedah-kaedah ini negara-negara membangun telah meminta negara-negara maju mengurangkan dan menghapuskan amalan

perlindungan mereka yang telah menjejaskan eksport daripada negara-negara membangun. Di samping itu negara-negara maju juga diminta supaya memberi layanan keutamaan kepada eksport tertentu daripada negara-negara membangun.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui usaha-usaha tersebut telah mendatangkan beberapa faedah seperti berikut:

- (i) Pengurangan kadar tarif ke atas eksport telah diperolehi melalui perundingan berbagai hala anjuran GATT. Dalam pusingan perundingan yang terakhir iaitu Tokyo Round 1973-79 negara-negara maju telah bersetuju memberikan pengurangan tarif sebanyak 30% dalam tempoh 7 tahun mulai Januari 1980.
- (ii) Negara-negara maju telah juga bersetuju melanjutkan tempoh sistem keutamaan am, dengan izin, (Generalised System of Preferences (GSP) melalui perundingan di bawah UNCTAD. Di bawah skim ini eksport tertentu keluaran Malaysia mendapat layanan keutamaan tarif. Ini termasuk barang-barang separa perkilangan dan perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada hakikat bahawa negara-negara maju masih merupakan pasaran utama eksport kita dan dasar perlindungan semakin ketara di kalangan negara-negara maju, Kerajaan telah dan sedang mengambil daya usaha untuk mempelbagaikan pasaran. Melalui cara ini pasaran keluaran eksport negara-negara membangun akan dapat diperluaskan lagi dan tidak hanya bergantung kepada pasaran tradisional di negara-negara maju sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ismail bin Said:** Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh MEXPO bagi menggalakkan eksport pengeluaran tempatan kita.

Saya ingin tahu mengenai harganya pula, apakah usaha-usaha dan juga kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh MEXPO untuk menjamin supaya keluaran barangan oleh pengusaha-pengusaha tempatan kita mendapat harga yang baik serta terjamin.

**Tuan Oo Gin Sun:** Memang, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan costing ini Kementerian pun sedar dan mengambil perhatian yang berat. Saya harap costing dalam pasaran tempatan boleh turun lagi jikalau volume yang dieksportkan lebih besar.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan adanya MEXPO. Jadi, kalau tidak silap saya, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan pusat-pusat MEXPO mengikut wilayah di dalam negara kita seperti di Wilayah Sarawak/Sabah, Wilayah Utara Semenanjung dan wilayah-wilayah yang difikirkan sesuai.

Kedua, adakah Kerajaan juga bercadang akan menubuhkan MEXPO di tempat-tempat yang strategik seperti di Bangsa-bangsa Bersatu dan juga di Geneva kerana di sini mungkin kita ada Suruhanjaya Perdagangan tetapi kita hendak mengadakan satu tempat atau pusat MEXPO yang tetap di tempat-tempat yang berkenaan.

Ketiga, sejauh manakah MEXPO memainkan peranan untuk memperkenalkan barangan-barangan Malaysia di negara-negara baru seperti di Latin Amerika dan juga di negara-negara Afrika.

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau ekonomi negara kita boleh diimprovekan, saya harap Kementerian saya boleh tubuhkan semua wilayah-wilayah negeri ada satu MEXPO di dalam negeri.

Untuk antarabangsa, cadangan Yang Berhormat boleh dipertimbangkan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Timbalan Menteri kerana telah menerangkan banyak usaha-usaha yang telah dijalankan di dalam menambahkan lagi perdagangan barangan negara kita tetapi satu perkara yang tidak disebut di sini, saya rasa ini pun penting juga iaitu usaha-usaha ke arah mempertingkatkan dari segi mutu barangan kita supaya ianya dapat setanding dengan keluaran luar negeri dan juga akan dapat menembusi pasaran-pasaran antarabangsa dengan lebih mudah. Apakah usaha yang telah dibuat dalam masalah ini?

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah soalan itu menyentuh bidang tugas Kementerian Yang Berhormat, mutu barangan keluaran Malaysia?

**Tuan Oo Gin Sun:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir keluar daripada soalan asal.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini hal SIRIM. SIRIM di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**Tuan Oo Gin Sun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu adakah Kerajaan mempunyai rancangan-rancangan yang berkesan untuk meningkatkan

mutu barang-barang keluaran negara kita yang tidak mencapai mutu antarabangsa supaya dapat memasuki pasaran antarabangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalannya sama seperti soalan Yang Berhormat dari Padang Rengas (*Ketawa*).

## FAMA—BANTUAN KEPADA PENANAM SAYUR

**2. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan bahawa beberapa bulan yang lalu penanam-penanam sayur terpaksa membuang sayur-sayuran mereka ke sungai kerana harga yang rendah yang ditawarkan oleh orang-orang tengah dan sebaliknya orang-orang tengah ini pula mendapat untung yang lebih berganda apabila menjualnya kepada penjual-penjual sayur di pasar-pasar, apakah langkah yang diambil oleh FAMA untuk membantu penanam-penanam sayur (yang bilangannya semakin hari semakin kurang kerana kesukaran mendapat tanah untuk menanam sayur) memperolehi harga yang baik bagi hasil tanaman mereka. Adakah beliau bercadang hendak mendirikan gerai-gerai di tiap pasar dalam negeri ini untuk mengedar sayur-sayuran terus kepada penjual-penjual sayur di pasar-pasar supaya penanam-penanam sayur ini dapat harga yang baik bagi hasil mereka.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini pun telah dijawab oleh seorang Timbalan Menteri Pertanian di Dewan yang mulia ini pada 12hb November, 1984.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 3 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).

## LAWATAN PERDANA MENTERI KE SARAWAK

4. **Tuan Ling Sie Ming** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kesan dan gambaran yang didapatinya terhadap pembangunan tempatan ketika beliau melawat Negeri Sarawak baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengembangkan dan meningkatkan pembangunan di Negeri Sarawak.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sarawak tempoh hari ialah dari 9 hingga 11 September 1984 yang lalu. Yang Amat Berhormat telah mendapat gambaran sebenar dari segi suasana dan keadaan pembangunan di negeri itu, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman. Yang Amat Berhormat juga telah mendapat maklumat yang jelas mengenai kedudukan pelaksanaan beberapa projek besar dan penting bagi meningkatkan lagi pembangunan Sarawak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yakin bahawa Negeri Sarawak mempunyai potensi yang besar untuk mencapai tahap pembangunan yang tinggi pada masa akan datang oleh kerana banyak sumber-sumber pembangunan yang masih belum diusahakan. Sarawak mempunyai tanah yang luas, subur dan kaya dengan sumber-sumber hutan dan galian. Negeri Sarawak juga mempunyai kawasan-kawasan semula jadi yang indah yang boleh dibangunkan sebagai kawasan pelancongan yang utama di rantau ini. Pelaksanaan projek-projek pembangunan ini secara langsung akan memberikan faedah kepada rakyat Sarawak dalam bentuk pelbagai peluang pekerjaan baru yang dapat diwujudkan.

Walau bagaimanapun, bagi melaksanakan projek-peojek pembangunan, struktur dan cara hidup penduduk di luar bandar hendaklah diubah.

Mengenai langkah-langkah Kerajaan untuk mengembangkan dan meningkatkan pembangunan di negeri Sarawak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengarahkan supaya usaha-usaha menyusun semula kampung-kampung kecil yang berselerak dilaksanakan bagi menjadi pusat-pusat pertumbuhan baru. Dengan cara ini kemudahan-kemudahan awam moden dapat diadakan dengan lebih mudah dan dapat menjimatkan kos di samping meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat di luar bandar.

Di pusat-pusat pertumbuhan baru itu, usaha-usaha pertanian dan bukan pertanian yakni industri kecil berasaskan sumber-sumber tempatan, akan dapat diwujudkan dan diusahakan secara berkelompok bagi menikmati faedah-faedah yang boleh diperolehi dari pengusahaan secara ekonomi pembedangan, dengan izin, economies of scale.

Yang Amat Berhormat juga telah memberikan persetujuan penuh atas pelaksanaan beberapa projek besar dan penting yang memberi faedah kepada sebilangan besar rakyat Sarawak di samping meluluskan juga peruntukan bagi pelaksanaan beberapa projek tertentu. Di antara projek-projek yang dimaksudkan ialah Projek Pertanian Bersepadu Limbangan Sungai Samarahan, Projek Perparitan Asa Jawa, Projek Taman Negara Usun Apau dan Projek Hidroelektrik Bakun.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam lawatan beliau baru-baru ini ke negeri Sarawak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga melawat Taman Negara Usun Apau di mana Kerajaan Sarawak telah

memperuntukkan tanah sebanyak 800 ekar bagi tujuan untuk menubuhkan satu Kelab Swastajutaan yang memerlukan yuran keahlian sebanyak \$1 juta bagi setiap orang ahli. Soalan saya ialah adakah benar langkah ini telah melanggar prinsip egalitarian, dengan izin, oleh kerana Sarawak adalah sebuah negeri yang sangat mundur dan semua punca-punca mestilah digunakan untuk membaiki kehidupan yang amat miskin khususnya di antara kaum Iban di luar bandar.

Soalan kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa projek ini telah dianggap oleh sebahagian daripada rakyat Sarawak sebagai satu bukti bahawa Kerajaan Negeri Sarawak adalah satu Kerajaan, dengan izin, A Government of millionaires for millionaires and by millionaires.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk! Bahagian pertama daripada soalan pertama telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Bahagian kedua soalan pertama ialah adakah ini bercanggah dengan prinsip egalitarian, itu sahaja Yang Berhormat perlu jawab, saya fikir.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sebelum pada itu saya minta Ahli Yang Berhormat menyatakan takrif dalam Bahasa Malaysia apa dia "egalitarian", cuba cerita dahulu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta penjelasan apakah "egalitarian" itu.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau Kerajaan kita akan diberi keyakinan oleh rakyat Malaysia

keseluruhannya, Kerajaan mesti menunjukkan sikap yang bertanggungjawab, bukan menjaga kepentingan orang kaya sahaja, tetapi keutamaannya menjaga orang miskin, ini maksud saya.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah katakan tadi banyak projek-projek pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat untuk negeri Sarawak, termasuk projek-projek yang besar dan kalau saya nyatakan projek-projek yang kecil yang juga melibatkan perbelanjaan banyak juta ringgit yang boleh memberi manfaat kepada rakyat biasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Keempat umpamanya, kita meluluskan \$3,567.37 juta untuk perbelanjaan pembangunan bagi Sarawak sahaja dan ini telah dikaji semula dan ditambah kepada angka \$5,110.5 juta bagi pembangunan. Jika dibandingkan apa Ahli Yang Berhormat tadi kata dengan perbelanjaan melalui peruntukan yang besar, yang dibuat oleh Kerajaan Pusat ini, Yang Berhormat sudah tentu mendapat gambaran bahawa melalui projek-projek yang lain ini, keutamaan sebenarnya diberi untuk menyampaikan manfaat kepada rakyat biasa Sarawak, khususnya dalam rangka untuk kita membasmi kemiskinan. Ini tidak lari daripada matlamat asal segala perancangan yang kita buat. Jadi saya hendak katakan juga barangkali tidak benar bahawa Sarawak ini adalah negeri yang mengandungi millionaires sahaja, barangkali angka-angka yang sedikit ini tidak seharusnya dibandingkan dengan penduduk keseluruhannya yang memerlukan pembangunan yang mana Kerajaan Pusat telah pun memberikan perbelanjaan pembangunan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa pihak Kerajaan telah meluluskan banyak projek pembangunan dalam bentuk pertanian ataupun bukan pertanian. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri suatu masa dahulu ada rancangan Kerajaan untuk menjadikan Sarawak jelapang padi, apakah hasil dengan rancangan itu kerana rakyat Sarawak tentang hasil padi belum lagi mencukupi, terpaksa membawa masuk dari luar negeri.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi contoh beberapa projek dalam sektor pertanian yang telah kita luluskan kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Agensi-agensi utama untuk memajukan Program Pembangunan Tanah dan Pertanian Sarawak termasuk peruntukan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak untuk membangunkan tanah-tanah pertanian, membuka dan menempatkan penduduk di kawasan luar bandar.

Di bawah skim getah 5,550 hektar, kelapa sawit 15,479 hektar, Lembaga Penyatuan Pemulihan Tanah Sarawak untuk memajukan tanah-tanah adat secara pembangunan setempat (in-situ development).

Lembaga Simpanan dan Kemajuan Tanah untuk menggalak, merangka dan membangunkan semula atau menempatkan semula tanah yang diisytiharkan sebagai kawasan pembangunan untuk pertanian. Selain daripada itu, terdapat Projek Pertanian Bersepadu Limbangan sungai Semarahan. Kajian awal telah memerlukan peruntukan \$5 juta daripada Kementerian Pertanian dan keluasannya 86,106 hektar yang melibatkan kepentingan sekurang-kurangnya bagi 47,120 orang penduduk di sana.

Selain daripada itu, terdapat juga Projek Pertanian Bersepadu Kalaka Sariba, ini melibatkan kajian sahaja \$4 juta dan akan memberi manfaat kepada penduduk 53,000 orang.

Mengenai Projek Jelapang Padi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ini juga sedang di dalam kajian dan pelaksanaan di mana setelah kita mendapat kepastian, sudah tentu akan dilaksanakan, tetapi tidak bermakna projek yang disebutkan tadi dikeluarkan daripada perancangan.

#### INDUSTRI-INDUSTRI KECIL— TAHAP PENGECCUALIAN

**5. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan dasar perindustrian Kerajaan dan sebab-sebab inflasi, sama ada tahap pengecualian bagi industri-industri kecil daripada Akta Penyelarasan Perindustrian akan dilebihkan daripada \$250,000 ke \$1,000,000 ke atas; jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya bersedia menimbangkan langkah-langkah yang sesuai untuk meningkatkan lagi pembangunan perindustrian negara dalam konteks pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Ini termasuklah mengkaji semula peraturan-peraturan yang sedia ada supaya lebih berkesan untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan.

Dalam hubungan ini, Kementerian saya dan sektor swasta sedang membincangkan beberapa perkara mengenai pentadbiran Akta Penyelarasan Perindustrian, termasuklah paras pengecualian daripada Lesen Pengilang. Pada ketika ini semua aktiviti pengilangan yang mempunyai kumpulan wang pemegang saham kurang daripada

\$250,000 atau bilangan pekerja kurang daripada 25 orang adalah dikecualikan daripada Lesen Pengilang. Sama ada paras pengecualian ini dikekalkan atau dipinda akan hanya dapat diputuskan apabila selesai perbincangan dengan sektor swasta dalam sedikit masa lagi.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah sekatan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian ini tidak menggalakkan pelabur-pelabur tempatan ataupun pelabur-pelabur asing untuk menjalankan atau menubuh industri-industri di negara kita? Kalau sekatan ini yang diakui, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menggalakkan lagi mereka yang tidak mahu menubuhkan industri ataupun pelabur asing yang enggan datang ke negara kita?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, walaupun pertanyaan asal ada menyebut Akta Penyelarasan Perindustrian, tetapi maksud soalan asal adalah sama ada tahap pengecualian mengikut Akta yang disebutkan itu akan dilebihkan. Maka soalan tambahan itu terkeluar sedikit daripada konteks, tetapi saya serahkan kepada Yang Berhormat mahu jawab atau tidak?

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, kalau notis diberi, saya boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

### SAWAH TERBIAR—KAJIAN KE ATAS PETANI

6. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjalankan kajian kes (case study) pada kawasan-kawasan tertentu bagi mengkaji mengapakah citarasa petani-petani terhadap pertanian padi semakin berkurangan hingga

menyebabkan jumlah tanah-tanah terbiar makin bertambah. Apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah sawah-sawah terbiar ini supaya ianya dikerjakan semula.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang mengadakan "case study" atau kajian kes, bagi mengenal pasti punca-punca berkurangnya minat petani-petani ke atas pertanian padi di kawasan-kawasan tertentu kerana kajian yang menyeluruh mengenai perkara ini telah dijalankan dan segala maklumat sudah pun terkumpul. Walau bagaimanapun, dalam merangka program bagi memulihkan tanah-tanah sawah terbiar, segala faktor diteliti dengan mendalam supaya masalah yang menyebabkan tanah-tanah terbiar benar-benar dapat diatasi dengan berkesan. Pembangunan ladang berkelompok dan mini estet padi akan diperluaskan kerana pendekatan ini didapati berkesan di dalam mengatasi masalah-masalah tanah terbiar.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa Kerajaan telah pun menjalankan satu kajian yang menyeluruh. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sedikit sebanyak apakah perkara-perkara yang telah diperolehi yang menyebabkan citarasa petani-petani padi meninggalkan ladang-ladang mereka sehingga tidak diusahakan?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, punca utama yang menyebabkan petani tidak berminat menanam padi ialah kerana pendapatan dari hasil padi adalah rendah berbanding dengan pekerjaan lain.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan beliau Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa rata-rata pendapatan petani-petani padi di dalam negara kita ini adalah rendah, itu sebab mereka meninggalkan petak-petak sawah mereka hingga menyebabkan petak-petak sawah mereka terbiar dan menjadi masalah.

Soalannya, mengapakah Kerajaan tidak menghantar wakil-wakil petani padi ini ke negara-negara pengeluar padi, misalnya Negara Thai, Burma, Bangladesh, Jepun yang begitu terkenal di dalam pengeluaran padi yang baik dan banyak hasilnya supaya wakil-wakil petani ini boleh mempelajari, mengkaji teknik ataupun kaedah menanam padi di negara-negara tersebut agar pengetahuan yang mereka perolehi hasil daripada lawatan kajian dan mempelajari tersebut boleh mereka sampaikan kepada rakan-rakan petani mereka. Dan mengapakah pada masa ini Kerajaan hanya menghantar kakitangan Kerajaan sahaja untuk membuat kajian tersebut di luar negeri sedangkan hasil kajian itu tidak disampaikan kepada petani?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu memanglah satu cadangan yang baik dan sekiranya pihak-pihak yang tertentu mampu, lawatan seperti yang disyorkan patutlah diadakan. Walau bagaimanapun, saya hendak tegaskan di sini bahawa masalah-masalah yang dihadapi bukanlah senang diatasi kerana masalah-masalah seperti saiz ladang yang tidak ekonomik, hasil yang rendah dan amalan pertanian yang masih tradisional tidak boleh diatasi dalam sehari dua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

*(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Seow Hun Khim tidak hadir).*

## PEGAWAI AGAMA DIHANTAR KE AMERIKA—PENERANGAN

**8. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Pegawai-pegawai Agama yang dihantar ke Amerika Syarikat sebenar-benarnya telah menjalankan tugas mereka dengan menemui penuntut-penuntut Malaysia di sana untuk menerangkan kepada mereka dasar Kerajaan dan membetulkan pemikiran penuntut-penuntut terhadap ajaran agama yang bercorak radikal dan pelampau yang mereka perolehi dari unsur-unsur lain.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menerangkan dasar Kerajaan dan membetulkan pemikiran pelajar-pelajar kita di Amerika Syarikat, Pegawai-pegawai Agama yang kita hantar bertugas di Amerika Syarikat itu sedang menjalankan tugas mereka seperti yang dikehendaki. Mereka memberi bimbingan agama dengan mengadakan ceramah, dialog, usrah dengan pelajar-pelajar, di samping itu mereka memberi penerangan mengenai dasar-dasar Kerajaan serta mengedarkan risalah-risalah agama kepada pelajar-pelajar kita.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pelajaran, baru-baru ini Perdana Menteri ada memberitahu ada di antara Menteri-menteri kita ataupun Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan kita yang pergi ke Amerika tak ada sempat masa untuk menemui pelajar-pelajar. Adakah perkara ini benar dan dari segi ini apakah konteks Kementerian Pelajaran terhadap Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan kita yang pergi ke Amerika itu seharusnya menemui pelajar-pelajar kita di sana supaya tidak dipengaruhi oleh anasir yang boleh memesonkan pemikiran mereka?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan itu terkeluar daripada konteks.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, sebagaimana yang kita tahu Amerika itu luas, di antara Washington ke California itu memakan masa 7 atau 8 jam, dan pula utara-selatan, timur-barat itu terlampau jauh. Jadi, adakah pihak Kementerian menempatkan pegawai-pegawai ini tinggal di tempat-tempat tertentu, misalnya di California, bukan sahaja untuk membimbing tetapi tempat pelajar-pelajar kita ini mengadu hal masalah-masalah yang timbul.

Yang kedua, bagaimana pula pihak Kerajaan mengambil tahu hal pelajar-pelajar kita yang bukan daripada tajaan Kerajaan kerana yang bukan tajaan Kerajaan inilah yang banyaknya tidak puas hati dan tidak begitu mengikut arahan-arahan dan tidak ada program dilakukan kepadanya. Selain daripada itu, apakah usaha yang dijalankan, selain daripada usaha yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi untuk menerapkan nilai-nilai Islam kepada pelajar-pelajar kita yang ada di luar negeri itu.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai menempatkan pegawai-pegawai, di Amerika Syarikat kita ada sekarang hanya dua pegawai yang bertugas walaupun jawatan yang diluluskan ialah 4 jawatan. Oleh kerana kemusykilan dari segi kewangan maka kita belum dapat mengisi tugas itu, namun demikian kita berharap untuk mengisi tugas itu dan oleh kerana kecilnya jumlah pegawai-pegawai bertugas maka kita menghadapi masalah. Namun demikian, kita sentiasa mengarah pegawai-pegawai ini supaya pergi ke tempat-tempat yang dianggap penting dan mengumpul pelajar-pelajar ini supaya

mereka itu diberi ceramah dan sebagainya supaya dapat penerangan yang jelas mengenai dasar Kerajaan dan juga supaya mereka itu dapat dipandukan mengenai pemikiran mereka itu supaya memikir ke arah yang betul.

Mengenai mengambil tahu akan hal ehwal pelajar ini, di Amerika Syarikat kita ada pertubuhan-pertubuhan pelajar dan melalui pertubuhan inilah kita menghubungi pelajar-pelajar ini dan menerusi inilah pegawai-pegawai ini menghubungi mereka dan mengumpulkan mereka dan mengadakan ceramah dan di kampus-kampus dan universiti-universiti tertentu kita ada cawangan-cawangan persatuan ini dan melalui inilah kita menghubungi mereka dan mereka akan berhubung dengan persatuan pelajar pusat dan dengan ini dapatlah kita menghubungi pelajar-pelajar.

Usaha-usaha lain yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk menentukan supaya pelajar-pelajar kita di luar negeri ini diberi penjelasan yang jelas ialah, sepertimana yang disebut oleh penyوال yang tadi, kita sentiasa berhubung dengan siapa sahaja pegawai luar negeri terutama sekali Menteri-menteri, pegawai-pegawai tinggi, kalau dapat berhubung dengan pelajar-pelajar kita, mengumpul mereka dan memberi penjelasan yang sewajarnya mengenai dasar Kerajaan kita.

Yang kedua ialah kita menghantar rombongan . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maknanya soal Yang Berhormat tadi ada konteks sedikit.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Ya, konteks sedikit. Alhamdulillah.

Yang kedua ialah kita menghantar rombongan-rombongan yang mengandungi juga pegawai-pegawai yang mengetahui mengenai Agama Islam dan mereka ini diarah untuk

menemui, mengumpul pelajar-pelajar ini untuk menjelaskan dasar Kerajaan yang sebenarnya dan tahun ini kita telah menghantarkan dalam bulan September atau bulan Ogos, kita telah menghantar satu rombongan yang mengandungi juga pegawai-pegawai yang mengetahui mengenai agama.

Yang ketiga, pada masa cuti mereka kembali ke sini, kita kumpul dan kita indoktrinasikan, bukan indoktrinasikan dengan secara menanamkan semangat yang tidak baik, tetapi indoktrinasikan dengan menanamkan semangat-semangat yang baik mengenai dasar-dasar Kerajaan kita dengan betul. Inilah cara-caranya. Di samping itu kita sentiasa mengawasi, memonitorkan, segala aktiviti-aktiviti pelajar-pelajar di luar negeri supaya mereka itu tidak terpesong daripada asas pengajaran Islam yang sebenarnya.

## JAWATANKUASA DAMAI ISLAM

9. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Luar Negeri menyatakan seperti yang diketahui sidang kemuncak OIC telah memberi mandat kepada Jawatankuasa Damai Islam yang terdiri dari 8 buah negara termasuk Malaysia mengenai Perang Iran-Iraq:

- (a) apakah tugas-tugas atau mandat utama yang diserahkan kepada Jawatankuasa ini. Adakah Jawatankuasa ini khas untuk mendamaikan Iran-Iraq sahaja atau negara-negara Islam lain yang berkemungkinan berkrisis;
- (b) apakah rumusan/keputusan yang telah dicapai dalam mesyuarat Jawatankuasa Damai Islam yang berlangsung pada 18hb Julai, di Jeddah, Saudi Arabia yang lalu telah pun dihadiri oleh Y.B. Menteri Luar Negeri bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri; dan

(c) apakah sebabnya rangka rancangan mesyuarat sebelum ini (sebanyak lapan kali) tidak dipersetujui oleh kedua belah antara Iran-Iraq.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, sukaulah saya memaklumkan bahawa Jawatankuasa Damai Islam ini yang terdiri dari 8 buah negara iaitu Gambia, Guinea, Senegal, PLO, Turki, Pakistan, Bangladesh, Malaysia dan Setiausaha Agung OIC telah ditubuhkan oleh Sidang Kemuncak Ketiga Ketua-ketua Negara Kerajaan Islam di Taif pada 25-28hb Januari, 1981 khusus bagi usaha dan mencari penyelesaian damai mengenai pertelingkahan antara Iran dan Iraq. Jawatankuasa ini mendapat mandat sepenuhnya dari keseluruhan anggota OIC dan ianya sekarang dipengerusikan oleh Presiden Dawda Jawara dari Gambia yang menggantikan Allahyarham Presiden Seukotoure dari Guinea.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa ini telah pun merumuskan satu rangka penyelesaian damai dan ianya telah pun dikemukakan kepada kedua-dua belah pihak Iran dan Iraq. Namun begitu, rancangan damai ini belum lagi mendapat persetujuan sepenuhnya dari Iran dan Iraq oleh kerana masih terdapat beberapa perkara dalam rancangan damai itu yang tidak dapat dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Dalam hubungan ini Pengerusi Jawatankuasa telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi berunding dengan Iran dan Iraq agar kebuntuan yang dihadapi ini dapat diatasi dalam satu rancangan damai yang menyeluruh dapat diterima oleh kedua-dua belah pihak.

Dalam mesyuarat jawatankuasa ini yang berlangsung pada 18hb Julai yang lalu mesyuarat telah meneliti perkembangan terakhir pertelingkahan ini serta merancang

usaha-usaha baru yang akan diambil untuk mengatasi kebuntuan yang dihadapi dalam rancangan damai bagi tujuan tercapainya satu penyelesaian yang muktamad. Mesyuarat telah juga memberi mandat sepenuhnya kepada pengerusi jawatankuasa itu, Presiden Dawda Jawara untuk berusaha dan mengambil tindakan sewajarnya bagi mendekati dan berunding dengan Iran dan Iraq sama ada secara beliau sendiri sebagai pengerusi ataupun bersama-sama dengan mana-mana anggota jawatankuasa yang lain bagi mencari penyelesaian. Usaha-usaha lanjut sedang diambil oleh pengerusi jawatankuasa ini untuk berunding dengan Iran dan Iraq.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Mulia ada mengatakan bahawa terdapat perkara-perkara tertentu yang tidak dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Jadi bolehkah Yang Berhormat Mulia memberi tahu secara ringkas apakah perkara-perkara yang masih tidak dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak?

Yang kedua, adakah jawatankuasa ini akan menetapkan satu tempoh tertentu bagi kedua-dua belah pihak untuk menyetujui rangka-rangka yang dibuat oleh jawatankuasa ini, dan yang ketiga, bolehkah Yang Berhormat Mulia menerangkan bahawa sebenarnya jawatankuasa ini sudah tidak mempunyai keyakinan lagi dengan sebab tersebut jawatankuasa telah menyerahkan tugas-tugas ini kepada pengerusi jawatankuasa sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan ketiga adalah andaian.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada cadangan Jawatankuasa Damai ini ialah supaya kedua-dua pihak memberhentikan peperangan.

Yang kedua, masalah Satul Al-Arab satu daripada perkara yang menjadikan peperangan itu patut dirunding kebelakang apabila peperangan itu diberhentikan. Yang ketiga, cara-cara iaitu satu askar "peace keeping force" patut juga dipersetujui oleh kedua pihak dan banyak lagi perkara-perkara yang dirancangan untuk perdamaian ini dapat diselesaikan. Nampaknya perkara-perkara ini belum dapat dipersetujui oleh kedua belah pihak.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat perkara-perkara tertentu yang tak dapat diterima oleh sebelah menyebelah tetapi akhir-akhir ini berita perang Iran/Iraq nampaknya berkurangan benar. Jadi soalnya berkurangnya berita perang ini adakah kerana mereka masing-masing sudah letih dari berperang ataupun kerana usaha damai jawatankuasa tadi bekerja secara senyap-senyap—mana satu yang sebenar?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengatakan juga sungguhpun kita ada buat perjumpaan dan melalui bukan semua anggota Jawatankuasa Damai Islam ini tetapi ada juga ahli-ahli anggota daripada 8 buah negara ini menjumpai secara persendirian dan berunding secara manakah perkara ini dapat diatasi. Barangkali betul juga apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi ada yang boleh menyebabkan iaitu ada perjumpaan secara senyap.

Yang kedua iaitu adakah mereka ini letih. Saya pun rasa terpulanglah kepada Yang Berhormat perkara ini. (*Ketawa*).

#### TEACHERS' PROVIDENT FUND—CARUMAN

**10. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai Guru Lembaga Pusat

yang masih mencarum kepada TPF. Mengikut umur mereka sekarang, sehingga tahun berapakah semua pencarum itu akan bersara. Adakah Kementerian bercadang akan mengadakan peraturan untuk menyerapkan caruman TPF bagi guru-guru yang sekarang menjadi guru "Kerajaan" kepada caruman EPF atau lain-lain cara lagi yang boleh mendatangkan faedah kepada pencarumannya.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan Guru Lembaga Pusat yang masih mencarum kepada TPF ialah seorang sahaja. Tahun bagi ahli ini bersara ialah pada tahun 1992. Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan peraturan bagi menyerap caruman TPF bagi guru-guru yang sekarang menjadi guru Kerajaan kepada caruman EPF ataupun kepada lain-lain caruman.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan perkara di mana didapati bahawa ramai daripada guru-guru yang telah bersara daripada perkhidmatan Kerajaan dan masih lagi semasa mereka ini menjadi guru mencarumkan kepada TPF. Adakah mereka ini dibenarkan untuk mengeluarkan TPF ini oleh kerana tidak ada tanda-tanda bahawa mereka ini akan terus mengajar atau bekerja di mana-mana.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah guru-guru ini dibenarkan mengeluarkan wang mereka.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, wang TPF boleh dikeluarkan apabila umur sampai 55 tahun.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Timbalan

Menteri beritahu berapa orangkah guru-guru yang telah berhenti mencarum di dalam TPF ini—bilangan yang berhenti mencarum di dalam TPF.

Yang kedua, tidakkah Kerajaan boleh meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru ini ataupun TPF bagi membolehkan pencarum-pencarum ini, kalau Akta ini dipinda, daripada tidak boleh keluar caruman wang mereka daripada EPF supaya wangnya boleh dikeluarkan daripada TPF. Bila mereka boleh keluar wangnya daripada TPF maka wang itu bolehlah dimasukkan ke dalam caruman ASN ataupun mereka bolehlah mencarum di dalam EPF. Kalau Akta ini tidak boleh dipinda, mengapa? Kalau Akta ini boleh dipinda, bila perkara ini hendak dipinda? (*Ketawa*). Bila perkara ini hendak dipinda, kerana guru-guru yang pada suatu ketika dahulu pernah mencarum dalam TPF ini, dengan izin, sering sampai hingga hari ini berbunyi, bilakah wang mereka boleh dikeluarkan sedangkan pencarumnya buat masa ini cuma seorang sahaja lagi. Kakitangannya ramai di sana.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat buat kesimpulan atas dua soalan. Berapa orangkah . . . . .

**Tuan Khadri bin Sabran:** Berapa bilangan pencarum yang sudah berhenti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang hendak meminda . . . . .

**Tuan Khadri bin Sabran:** Yang kedua, bolehkah Akta Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru ini dipinda. Kalau boleh, bila hendak dipinda, kalau tidak boleh, mengapa? (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, TPF tidak boleh dipindah ke EPF kerana tiada proviso di bawah Akta TPF untuk berbuat demikian. Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk meminda Akta TPF kerana mereka yang terlibat adalah sangat rendah dan soalan yang pertama, saya minta notis.

## WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN—MEMAJUKAN

**11. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk membangun dan memajukan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengatur lawatan dan perbincangan pembangunan dengan usahawan-usahawan, pemaju-pemaju dan pelabur-pelabur yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Julai yang lalu.

Hasil perbincangan itu telah dapat menggariskan tiga sektor yang utama yang boleh diberi tumpuan. Yang pertama, sektor pelancongan. Kedua, sektor industri ringan. Ketiga, sektor perdagangan dan komersial. Pada perinsipnya Pulau Labuan akan dibangunkan mengikut garis-garis panduan Pelan-induk Labuan yang sedang disediakan. Pelan-induk itu menetapkan matlamat penduduk seramai 100,000 daripada 30,000 orang yang terdapat sekarang.

Bagi menampung penduduk yang akan bertambah itu maka Kementerian saya merancang beberapa kawasan baharu untuk dimajukan. Kawasan-kawasan itu adalah seperti kawasan di Pohon Batu, Kampung Batu Arang, Layang Layang dan Kampung Berbulu.

Di samping pembangunan bandar baru, projek-projek lain yang telah dikenal pasti juga dirancang untuk menggalakkan perkembangan Pulau Labuan seperti pembinaan pelabuhan baharu, penyediaan kemudahan rekreasi, termasuk hotel-hotel dan pengkalan merin di pulau-pulau kecil seperti Pulau Keruman dan pembangunan industri di kawasan ranca-ranca. Dalam melaksanakan projek-projek di atas penglibatan pihak swasta juga adalah digalakkan.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan seorang lagi untuk menjadi Dato Bandar bagi menyeliakan pembangunan di sana kerana Labuan dan Kuala Lumpur adalah berjauhan. Kalau boleh, bolehkah Dato Bandar itu terdiri daripada seorang wanita. (*Ketawa*).

Yang kedua, adakah pegawai dari Kuala Lumpur akan ditukar berkhidmat di Labuan atau sebaliknya.

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada cadangan untuk mengadakan satu lagi jawatan Dato Bandar untuk Pulau Labuan memandangkan Pulau Labuan pada setakat ini hanya mempunyai seperti saya katakan tadi 30,000 orang penduduk, maka tidaklah sesuai kita adakan satu lagi Dato Bandar, mencukupilah kita ada seorang Presiden Lembaga Perbandaran Pulau Labuan. Jika sekiranya ada pada masa akan datang, mungkin ada peluang untuk kita mengadakan satu jawatan Dato Bandar, kita bolehlah mempertimbangkan sekiranya ada permohonan daripada pihak wanita, (*Ketawa*) kita kena panggil Datin Bandar, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan yang kedua, pada kali ini Kementerian saya memang telah pun menubuhkan satu Cawangan Kementerian Wilayah Persekutuan di Pulau Labuan dan kita pun ada beberapa pegawai daripada Kuala Lumpur yang kita hantar menjawat pelbagai jawatan yang ada di Cawangan Kementerian di Wilayah Persekutuan Labuan. Kita juga bercadang untuk mengadakan pegawai-pegawai daripada Negeri Sabah dan juga daripada Kuala Lumpur supaya dapatlah dalam usaha kita mengintegrasikan, meningkatkan lagi integrasi nasional, bukan sahaja di kalangan rakyat, bahkan juga dari kakitangan-kakitangan Kerajaan. Ini memang dalam rancangan kita telah dan sedang melaksanakannya.

### PENDATANG HARAM INDONESIA

**12. Dato Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) anggaran bilangan pendatang haram dari Indonesia di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;
- (ii) bilangan orang Indonesia yang dihantar balik ke Indonesia dalam tahun 1984 (hingga Jun) 1983, 1982 dan 1981;
- (iii) sama ada beliau sedar wujudnya “wakil pengambilan” (recruitment agencies) menjalankan operasi menerima masuk pendatang-pendatang haram ini; dan
- (iv) bagaimanakah caranya perjanjian Indonesia-Malaysia yang dimeteri baru-baru ini dapat menjaga pekerja-pekerja asing ini daripada disalahgunakan dan juga sebagai satu usaha membersihkan pesalah-pesalah dan pengacau tulen.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, pendatang-pendatang haram Indonesia masuk ke negara ini tanpa pengetahuan Kerajaan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak dapat memberi anggaran jumlah pendatang haram Indonesia yang memasuki negara ini. Bilangan pendatang haram Indonesia yang telah dihantar balik ke negara asal mereka adalah seperti berikut:

Tahun 1981	6,012 orang
Tahun 1982	2,386 ..
Tahun 1983	1,423 ..
Tahun 1984 (hingga Jun)	412 ..

Kerajaan tidak sedar wujudnya wakil pengambilan menjalankan operasi menerima masuk pendatang-pendatang haram dari Indonesia seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Perjanjian Malaysia Indonesia mengenai pembekalan tenaga buruh yang dimeteri baru-baru ini akan dapat menjaga pekerja-pekerja asing yang terlibat daripada disalahgunakan oleh majikan-majikan mereka ialah dengan cara mengadakan perjanjian di antara majikan dan pekerja-pekerja asing yang terlibat.

Perjanjian di antara majikan dan pekerja asing ini mengenakan syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh kedua pihak demi menjaga kepentingan masing-masing. Kemasukan pekerja-pekerja asing secara teratur ini akan dapat membanteras kemasukan haram pekerja-pekerja asing.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Polis telah mengenal pasti tempat-tempat mendarat, dengan izin, “landing points” yang digemari oleh sindiket-sindiket menyeludup masuk pendatang-pendatang haram.

Soalan kedua, apakah rancangan untuk memperkuat lagi kawalan pantai atau "coastal guard", dengan izin, di kawasan-kawasan tertentu.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dijawab beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini, pihak Polis selalu mengadakan rondaan dan mengenal pasti tempat-tempat yang menjadi, dengan izin, points of entry, yang menjadi kegemaran ataupun dipilih khas oleh pendatang haram di seluruh negara.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa setiap kali pendatang haram itu diberkas dan dihantar balik ke negara asal mereka, tetapi pendatang haram itu masih dapat kembali ke negara kita dan masalah ini masih wujud pada hari ini?

Kedua, suka saya mendapat tahu sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menyiasat dengan secara mendalam macam mana masalah ini dapat berlaku memandangkan bahawa usaha-usaha Polis untuk menangkap mereka, memberkas mereka telah dibantutkan oleh kerana mereka dapat kembali dan masalah ini masih wujud?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah disadari bahawa segelintir, bukan kebanyakan, segelintir daripada mereka yang telah pun ditangkap dan diusir balik ke negara asing balik semula ke negara kita kerana mungkin atas sebab keperluan-keperluan peribadi. Tetapi kita sentiasa mengadakan rundingan di antara Kerajaan dengan Kerajaan dan juga di antara agensi yang menguatkuasakan undang-undang di antara dua negara.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat pada hari ini juga pasukan

Polis melalui Ketua-ketua Polis negara masing-masing mengadakan rundingan dan di antara perkara-perkara yang akan dibincangkan termasuklah untuk mengurangkan pendatang haram, selain daripada masalah-masalah jenayah yang akan dibincangkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa angka-angka yang beliau tadi ada berikan mengenai setahun seribu-dua ribu orang pendatang haram Indonesia yang ada dihantar balik, tidak bermakna oleh kerana angka oti statistical sahaja dan banyak, bukan segelintir pendatang haram yang ada dihantar balik, banyak ada datang balik dan di antara mereka pun ada yang tidak balik ke Indonesia, tengah jalan di lautan balik ke Malaysia. Dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sikap terbuka pendatang haram sekarang ialah mereka tidak takut dihantar balik oleh kerana pagi pergi, malam balik? (*Ketawa*).

Soalan kedua adakah Kerajaan akan mengambil satu sikap yang lebih serius oleh kerana masalah jenayah dan lain-lain dan baru-baru ini di Kulai ada berlaku rompakan, bunuh dan lain-lain tetapi pihak Polis tak ambil perhatian yang serius untuk menghadapi masalah ini? Bolehkah Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang di mana majikan-majikan atau di mana-mana mereka yang ada pendatang haram boleh dihukum sebagai satu perbuatan yang salah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan pertama adalah andaian. Soalan yang perlu dijawab ialah adakah Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang lebih serius.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan memandang serius tentang

kedatangan pendatang haram. Masalah pendatang haram ini bukanlah masalah yang baru. Kita telah menghadapi masalah pendatang haram ini semenjak sebelum kita mencapai kemerdekaan lagi, apabila Kerajaan British menakluki negara kita. Tetapi dari semasa ke semasa kita berusaha dan sebagai menunjukkan betapa seriusnya Kerajaan memandang terhadap pendatang haram ini, kita menjalankan operasi dari semasa ke semasa dan sepertimana saya percaya Ahli Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru dua tiga hari yang lampau sudah kita telah menjalankan satu operasi yang begitu besar di Kuala Lumpur dan menahan beberapa ribu pendatang haram dan mereka telah diusir balik.

Angka yang saya berikan itu menunjukkan angka-angka mereka yang ditahan dan dihantar balik. Jika sekiranya mereka didapati balik selepas dihantar sebelah pagi dan balik sebelah malam, saya inginlah mendapat maklumat daripada Ahli Yang Berhormat supaya kita boleh buat, dengan izin, follow up.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 7 dan 13 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).*

### **PERISYTIHARAN ASET MENTERI PERSEKUTUAN/NEGERI**

**3. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada semua Menteri Kabinet, Menteri Besar, Ketua Menteri dan Ahli-ahli Majlis Kerja Negeri telah menyerahi sepenuhnya penglibatan mereka dalam urusan perniagaan dan kegiatan perniagaan dan bahawa kesemua aset mereka itu telah pun disimpan dalam

sebuah "Blind Trust" untuk memastikan mereka tidak terlibat dalam apa-apa urusan perniagaan dan kegiatan perniagaan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Semua Menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri perlu mengisytiharkan aset mereka kepada Y.A.B. Perdana Menteri dipermulaan mereka memegang jawatan dan seterusnya mengemaskini kedudukan aset mereka tiap-tiap dua tahun sekali. Bagi Ahli-ahli Majlis Kerja Negeri mereka dikehendaki mengemukakan pengisytiharan aset mereka kepada Y.A.B. Menteri Besar/Ketua Menteri masing-masing. Pengisytiharan aset oleh ahli-ahli pentadbiran ini termasuklah pengisytiharan aset dalam syarikat-syarikat keluarga yang ditubuhkan. Mereka dikehendaki memutuskan hubungan dengan segala jenis perniagaan yang pernah diceburi apabila mereka dilantik sebagai ahli pentadbiran.

Semua pihak yang berkenaan adalah dikehendaki mematuhi dengan sepenuhnya peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Y.A.B. Perdana Menteri adalah berpuas hati dengan urusan yang berjalan sekarang.

### **HOSPITAL DAERAH— MEMASANG JANAKUASA**

**7. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada tiap-tiap Hospital Daerah di seluruh negeri kita telah dipasang dan dilengkapi dengan janakuasa; Jika tidak, sama ada tindakan segera akan diambil untuk memasang janakuasa di semua Hospital Daerah.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chin Hon Ngian):** Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa adalah menjadi hasrat Kementerian saya untuk melengkapkan semua hospital di negara ini dengan janakuasa.

Pada masa ini daripada jumlah 60 hospital di Semenanjung Malaysia, sebanyak 34 hospital telah dilengkapi dengan janakuasa.

Di negeri Sarawak pula, daripada jumlah 15 hospital, 8 buah hospital telah dilengkapi dengan janakuasa, manakala di negeri Sabah, semua hospital telah dilengkapi dengan janakuasa.

Pemasangan janakuasa bagi hospital-hospital lain akan dijalankan secara berperingkat.

### KEAMANAN DI KAMPUCHEA

**13. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap Kerajaan mengenai cadangan yang telah dikemukakan oleh Menteri Luar Vietnam Encik Nguyen Co Thach supaya membentuk sebuah suruhanjaya damai antarabangsa dari negara-negara yang berkecuali untuk menjaga dan mengawal keamanan di Kampuchea.

23-11-84

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Luar menyatakan apakah Malaysia dan Negara ASEAN lain bersetuju dengan cadangan Hanoi untuk mewujudkan satu badan berkecuali Menjaga Keamanan di Kampuchea (Creation of A Neutral International Peace Keeping in Kampuchea) yang dianggapkan bukan satu perkara baharu. Apakah perbincangan yang diadakan atau akan diadakan itu di New York, akan mencapai hasil yang baik bagi keamanan di negara tersebut.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan yang hampir serupa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Pasir Putih pada 23hb November yang akan datang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, akhbar-akhbar tempatan telah melaporkan beberapa kenyataan yang dibuat oleh Menteri Luar Vietnam Encik Nguyen Co Thach berkaitan dengan soal Kampuchea baru-baru ini terutamanya sekali di saat-saat sebelum Persidangan Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu dimulakan. Di antara kenyataan-kenyataan yang dilaporkan itu termasuklah cadangan mengenai satu kumpulan negara-negara berkecuali menyelia perdamaian di Kampuchea. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan ini serta cadangan-cadangan yang lain yang dilaporkan itu bukanlah merupakan perkara-perkara yang baru. Mengenai cadangan penyeliaan keamanan di Kampuchea, pihak ASEAN sendiri dan terlebih dahulu telah menyarankan satu langkah yang praktikal iaitu supaya satu pasukan pengamanan antarabangsa ditubuhkan untuk menyelia keamanan di Kampuchea, menyelia pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea dan juga menyelia pilihanraya bebas di Kampuchea supaya dapat didirikan sebuah Kerajaan dan negara yang bebas dan merdeka.

Dalam pertemuan saya dengan Encik Co Thach di New York baru-baru ini, saya telah meminta beberapa penjelasan dari beliau mengenai cadangan-cadangan Vietnam yang dilaporkan itu dan dari apa yang telah dijelaskan oleh Encik Co Thach, saya dapati pihak Vietnam mempunyai pandangan-pandangan yang berbeza dari ASEAN mengenai beberapa perkara di atas soal Kampuchea termasuklah cadangan penyeliaan damai di Kampuchea. Pendirian Vietnam pada hemat saya, nampaknya tidak berganjak daripada apa yang dahulu. Banyak lagi perlu diberi penjelasan oleh Vietnam. Encik Co

Thach menggunakan istilah-istilah yang sama diutarakan oleh ASEAN seperti pengunduran askar-askar Vietnam dari Kampuchea, pilihanraya, penentuan sendiri (self-determination), perdamaian negara (national reconciliation) dan Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa tetapi malangnya Encik Co Thach mempunyai interpretasi konsep-konsep ini yang berlainan daripada takrif dan makna yang difikirkan oleh ASEAN dan yang diiktiraf dan digunakan oleh mesyuarat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, kita dan ASEAN akan terus membuka pintu untuk rundingan-rundingan lanjut dengan Vietnam agar pandangan-pandangan Vietnam mengenai soal Kampuchea dapat diselaraskan dengan pandangan-pandangan ASEAN supaya satu penyelesaian politik ke atas soal Kampuchea ini dapat dicapai secara aman dan damai.

#### BALAI POLIS KOTA MARUDU

**14. Tuan Newman Gaban** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Balai Polis di Kota Marudu menghadapi berbagai masalah seperti:

- (a) kekurangan pegawai polis dan alat-alat yang amat teruk bagi mengatasi kawasan yang sebegitu luas. Misalnya Balai Polis di situ mempunyai hanya sebuah kenderaan polis dan seorang pemandu sahaja untuk mengendalikan seluruh kawasan;
- (b) pertambahan yang nyata dalam kadar kejadian jenayah sejak beberapa tahun yang lalu, dan pertambahan ini makin meningkat;
- (c) tuduhan yang meluas dari kalangan rakyat jelata bahawa mutu perkhidmatan polis

terhadap pencegahan jenayah dan tindakan yang diambil tatkala jenayah sedang berlaku adalah rendah dan merosot sekali; dan

- (d) Balai Polis yang berkenaan terletak dua batu dari kawasan bandar dan ini menghalang tindakan polis secara serta-merta dan efektif untuk mencegah kejadian jenayah jika berlaku di bandar, dan jika benar, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan masalah ini.

#### Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):

- (a) Kementerian saya sedar bahawa buat masa ini keanggotaan serta kelengkapan di Balai Polis Kota Marudu adalah tidak mencukupi. Bagaimanapun langkah-langkah untuk menambahkan keanggotaan Polis serta kelengkapannya telah pun dibuat.
- (b) Dakwaan mengenai bertambahnya kadar kejadian jenayah sejak beberapa tahun yang lalu di kawasan tersebut tidak dinafikan. Bagaimanapun kadar pertambahan ini adalah begitu kecil dan tidaklah membimbangkan jika diambil kira faktor-faktor pertambahan penduduk dan tahap pembangunan di kawasan tersebut.
- (c) Suka saya nyatakan di sini bahawa tuduhan yang mengatakan mutu perkhidmatan pihak Polis bagi mencegah kejadian jenayah dan juga tindakan yang diambil tatkala kejadian jenayah sedang berlaku adalah merosot tidak benar sama sekali kerana pihak Polis sentiasa berusaha untuk membasmi kejadian-kejadian jenayah. Perlu juga saya

tegaskan di sini, bahawa peranan orang ramai adalah penting supaya sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis bagi tujuan menjaga keamanan.

- (d) Sebuah Balai Polis yang baru di tempat yang lebih strategik akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk menggantikan Balai Polis yang ada sekarang. Saya yakin dengan pembinaan balai baru ini, langkah-langkah untuk mencegah kejadian jenayah akan menjadi lebih berkesan.

### INTEGRASI PENDUDUK- PENDUDUK MALAYSIA

**15. Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Penerangan menyatakan hasil dailog yang diadakan baru-baru ini di antara beberapa orang pegawai di Sarawak dengan satu jawatankuasa 17 orang yang diketuai oleh beliau sendiri sebagai satu usaha untuk menyatupadukan orang-orang Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang menjadi sebahagian dari Malaysia 20 tahun lalu.

**Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim):** Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Menteri Penerangan adalah Pengerusi Jawatankuasa Integrasi Negeri-negeri Malaysia. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekali dalam setiap 3 bulan yang biasanya bertempat di Kuala Lumpur. Akan tetapi mesyuarat Jawatankuasa ini boleh diadakan di bandar-bandar lain di dalam Malaysia. Mesyuarat kali yang kedua bagi tahun ini diadakan di Kuching, Sarawak. Sewaktu di Kuching untuk mesyuarat itu Yang Berhormat Menteri Penerangan pada ketika itu bersama-sama dengan ahli-ahli Jawatankuasa tersebut juga mengambil peluang untuk berjumpa dan berdailog dengan Pemimpin-pemimpin Politik Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan

Pengarang-pengarang Akhbar tempatan, BERNAMA dan lain-lain pihak yang berkenaan.

Di antara perkara-perkara yang dibincangkan ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan dan perjawatan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri, perkara-perkara mengenai politik, pelajaran, sosio-ekonomi, media massa dan juga pengaduan-pengaduan terhadap Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Semua perkara yang diutarakan itu adalah diambil ingatan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut dengan tujuan untuk disalurkan bagi pertimbangan dan pelaksanaan selanjutnya oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang berkenaan.

Jawatankuasa ini yang akan bermesyuarat dari semasa ke semasa akan terus menimbangkan perkara-perkara ini dengan mengikuti perkembangan-perkembangan selanjutnya melalui maklum balas-maklum balas yang diterima.

Ini adalah kerana Integrasi Nasional ialah satu proses yang berterusan yang memerlukan perhatian secara terus menerus oleh semua pihak di Malaysia dan Jawatankuasa ini cuma dapat mengesan perkara-perkara yang berkaitan dengan secara umum sahaja.

### DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA—PENERBITAN BUKU

**16. Dato' Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mampu lagi menikmati kedudukannya sebagai pihak yang berkuasa mengenai bahasa kebangsaan kerana banyak tajuk-tajuk terjemahan dan tulisan yang dihantar untuk dinilai dan diterbitkan tinggal terbengkalai, iaitu sejajar

dengan objektifnya bagi memenuhi kehendak negara kepada suatu bahasa kebangsaan bagi satu masyarakat yang maju dengan pesatnya; dan

- (b) jika benar, sama ada beliau akan mengambil langkah untuk mewakilkan tugas itu kepada badan-badan lain yang mampu mengurusnya seperti Majlis Pembangunan Buku-buku Kebangsaan atau serahkan sahaja teks-teks "tertiary" kepada universiti-universiti sendiri.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis):** Dewan Bahasa dan Pustaka memang sentiasa berusaha menerbitkan buku-buku, manuskrip-manuskrip terjemahan dan karangan asli. Projek penerbitan ini sedang berjalan mengikut jadual.

Di samping itu Dewan Bahasa dan Pustaka juga sedang berusaha untuk mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak universiti, penerbit-penerbit swasta dan Majlis Kemajuan Buku-buku Kebangsaan untuk menerbitkan buku-buku pengajian tinggi.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan

Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Kesembilan).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B. 28, B. 29, B. 30, B. 31 dan B. 32 (Jadual)*

*Maksud P. 28, P. 31 dan P. 64 (Anggaran Pembangunan, 1985)*

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, sila teruskan ucapan.

3.38 ptg.

**Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman (Ulu Nerus):** Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya telah katakan semalam bahawa belanjawan-belanjawan negara kita sejak beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan kepada kita bahawa kewangan adalah merupakan suatu had atau masalah untuk kita meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunan negara kita.

Saya juga telah mengatakan bahawa sungguhpun Kerajaan berhasrat untuk berbelanja lebih banyak lagi untuk memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan negara serta rakyat terutamanya untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan taraf sosio-ekonomi rakyat, matlamat dan objektif ini adalah sesuatu yang sangat sukar untuk dipenuhi disebabkan oleh masalah kekurangan kewangan negara sebagaimana yang saya katakan tadi.

Di dalam keadaan begini, Tuan Pengerusi, adalah amat sukar bagi Kerajaan untuk memastikan pengagihan sumber-sumber kewangan negara secara menyeluruh dan berkesan dan sudah tentunya banyak

sektor-sektor, bidang-bidang, tempat-tempat dan golongan-golongan yang ketinggalan. Itulah sebabnya terdapat banyak kalangan yang mempunyai reaksi yang agak kritikal terhadap belanjawan negara kebelakangan ini terutamanya di kalangan penduduk luar bandar dan golongan miskin yang menuntut pembelaan yang lebih besar dan lebih bersegera daripada Kerajaan. Mereka menuntut supaya belanjawan-belanjawan kita lebih berorientasikan Dasar Ekonomi Baru, yang lebih berorientasikan sektor-sektor dan penduduk-penduduk di luar bandar serta golongan-golongan miskin yang lain.

Tuan Pengerusi, di dalam keadaan yang dihadapi oleh negara sekarang di mana punca-punca kewangan adalah terhad, saya berpendapat pembentukan belanjawan yang benar-benar memastikan pengagihan punca-punca kewangan negara kepada matlamat-matlamat utama adalah menjadi sangat penting kerana ini akan memastikan penggunaan dan pengagihan kewangan secara yang optima kalau pun tidak secara maksima.

Saya juga sedar, Tuan Pengerusi, bahawa usaha ini adalah satu perkara yang sukar dan mungkin mustahil untuk dicapai sepenuhnya. Tetapi saya menaruh penuh keyakinan ianya boleh dilaksanakan dan dapat dicapai seberapa yang boleh melalui proses pembentukan pengurusan dan kawalan belanjawan yang lebih ketat, lebih berorientasikan dan bermatlamat. Misalnya, Tuan Pengerusi, saya percaya melalui proses pemeriksaan belanjawan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi yang lebih ketat, lebih teliti dan lebih dihalusi tidaklah semua program, aktiviti dan projek yang dicadangkan adalah sebenarnya telah bersedia untuk dilaksanakan dan setengah-setengahnya pula mungkin belum siap

kajian-kajian "feasibility" dan kajian teknikal, atau yang sebenarnya mungkin tidaklah memerlukan sejumlah peruntukan yang diminta berdasarkan kepada schedule kemajuan kerja yang boleh dicapai dalam tahun belanjawan yang berkenaan.

Dengan pemeriksaan Belanjawan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi secara yang lebih teliti dan terperinci ini, saya percaya bahawa anggaran-anggaran dan permohonan-permohonan kewangan melalui Belanjawan Negara yang tidak justifiable, dengan izin, dan yang melebihi keperluan sebenarnya bagi tahun yang berkenaan akan dapat dikesan dan dibuat potongan-potongan sewajarnya. Di sebaliknya pula, Tuan Pengerusi, peruntukan-peruntukan janganlah dibuat di atas dasar lobi-melobi atau tekanan-tekanan sebarang pengaruh kerana ini bukan sahaja boleh menjadikan peruntukan-peruntukan Belanjawan yang tidak objektif tetapi sebenarnya bertentangan dengan prinsip equity di dalam pengagihan kewangan negara.

Berhubung dengan perkara ini, Tuan Pengerusi, saya juga mengesyorkan supaya Perbendaharaan dan Agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap pemeriksaan Belanjawan hendaklah memastikan bahawa Belanjawan-belanjawan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi hendaklah disediakan dengan sempurna dan dengan teliti. Oleh kerana jika Belanjawan-belanjawan ini tidak dibuat dengan sempurna dan teliti sudah tentulah ia akan menjejaskan Belanjawan Negara itu sendiri. Memandangkan bahawa Belanjawan kita adalah dibuat secara dari di bawah ke atas iaitu Belanjawan Negara adalah hasil aggregate daripada Belanjawan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan.

Bukanlah perkara rahsia lagi, Tuan Pengerusi, bahawa terdapat Belanjawan, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi yang dibuat secara terburu-buru di saat-saat akhir ia dikehendaki dikemukakan untuk pemeriksaan. Dan bukanlah juga satu rahsia bahawa setengah-setengah jabatan sebenarnya kurang kemampuan kakitangan dan kemahiran untuk menyediakan Belanjawan-belanjawan mereka dengan sesempurnanya. Setengah-setengah belanjawan jabatan-jabatan dan agensi-agensi bukan sahaja dibuat secara tergesa-gesa tetapi malah lambat dan tergendala pula dikemukakan kepada agensi-agensi pemeriksaan pusat dan ini sebaliknya pula menjejaskan prestasi pemeriksaan dan pembentukan Belanjawan Negara. Masalah ini patutlah dipandang berat dan diatasi pada masa-masa yang akan datang.

Keduanya, Tuan Pengerusi, sebagai langkah untuk memaksimumkan penggunaan kewangan negara, kita patutlah mengkaji semula keutamaan-keutamaan program-program, aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang hendak dilaksanakan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, tunggu sebentar.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingin bertanya, tidakkah Yang Berhormat fikir perkara-perkara Yang Berhormat sebutkan tadi lebih menyentuh perkara-perkara dasar?

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya membahaskan Kepala B. 28—Butiran 21 iaitu berhubung dengan Belanjawan dan saya menyentuh perkara-perkara detail berhubung dengan perencanaan dan pembentukan Belanjawan itu sendiri.

Saya mohon izin untuk menyambung seluruh ucapan saya adalah bertumpu kepada perkara ini sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, memanglah banyak projek-projek yang hendak dan boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sekali pun tetapi tidaklah semua program, aktiviti dan projek-projek yang mempunyai keutamaan yang sama lebih-lebih lagi dari segi keperluan, kesan, hasil serta sumbangannya kepada kemajuan negara dan sosio ekonomi rakyat. Setengah-setengah program, aktiviti-aktiviti dan projek-projek sebenarnya boleh ditangguhkan ke suatu masa yang lain. Dan di dalam keadaan kewangan negara yang terhad, soal menyusun semula keutamaan program, aktiviti dan projek-projek ini menjadi lebih penting dan lebih kritikal.

Saya percaya, Tuan Pengerusi, jika keutamaan-keutamaan ini dikaji semula dan diperketatkan lagi, banyak program, aktiviti dan projek-projek yang sebenarnya boleh ditangguhkan dan kerana itu membolehkan lebih banyak peruntukan-peruntukan diberikan kepada pelaksanaan program-program, aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang mempunyai kesan sumbangan yang lebih besar, lebih bererti dan lebih berkesan kepada pembangunan negara dan kepada sosio ekonomi rakyat.

Pencapaian Dasar Ekonomi Baru misalnya, masih jauh dari matlamatnya, sedangkan tempoh tamatnya sudah terlalu dekat. Pembangunan luar bandar juga misalnya masih memerlukan perhatian yang berkeutamaan tetapi tidak dapat terus ditingkatkan dengan lebih pesatnya. Projek-projek perumahan

terutamanya perumahan awam kos rendah masih menjadi masalah tetapi pelaksanaannya dihalang oleh masalah-masalah kewangan sebagaimana yang saya katakan.

Penyelamatan perbelanjaan daripada projek-projek yang kurang keutamaan dan yang boleh ditangguhkan ini sudah tentulah akan membolehkan peruntukan-peruntukan yang diselamatkan itu disalurkan bagi meningkatkan pelaksanaan program-program dan projek-projek yang mempunyai keutamaan yang datang ini. Saya berharap benar bahawa bagi Belanjawan tahun 1986 nanti penyusunan semula keutamaan-keutamaan belanjawan Negara akan dapat dibuat dengan lebih teliti lagi dengan menangguhkan projek-projek intensif modal yang kurang perlu dan kurang kesan sumbangan sosio ekonominya dan menumpukan lebih banyak perbelanjaan negara bagi projek-projek yang bertujuan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan pembangunan luar bandar serta lain-lain projek priority.

Tuan Pengerusi, bagi tujuan untuk mengurangkan tekanan keperluan dan persaringan ke atas kewangan negara yang terhad itu juga . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, duduk sebentar! Saya ada masalah sedikit berkenaan dengan interpretasi atau takrif Peraturan Mesyuarat, iaitu Peraturan mesyuarat 66 (12) yang berbunyi: "Berkenaan dengan masalah 'Iaitu wang sejumlah \$.....untuk kepala.....jadi sebahagian daripada jadual', perbincangan hendaklah dihadkan kepada dasar khidmatan yang hendak diutamakan wang itu dan tidak boleh mengenai butir-butir perbelanjaan, tetapi boleh menyebutkan butir-butir hasil atau kumpulanwang-kumpulanwang yang dalam tanggungjawab khidmatan itu."

Saya mengizinkan Yang Berhormat terus dengan ucapan atas takrif saya bahawa wang ini dikehendaki dalam menyediakan Belanjawan. Saya harap janganlah terlalu banyak dasar. Sebenarnya yang tanggungjawab memperuntukkan wang itu kepada dasar-dasar tertentu ialah Kerajaan keseluruhannya dan bukan terhadap penyelenggaraan khidmat di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Sila teruskan Yang Berhormat. Cuma harapan saya.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih tetapi kalau begitu keputusan dan pandangan Yang Berhormat Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Itu cuma harapan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Ya. Saya tidak dapat menjamin bahawa pandangan saya ini tidak menyentuh berkenaan dengan tanggungjawab dan juga strategi untuk pihak berkuasa yang berkenaan iaitu Perbendaharaan menyediakan Belanjawan-belanjawan Negara. Mungkin di sini terdapat satu perbezaan yang nipis sahaja berkenaan dengan dasar dan butir-butir lanjut. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya telah menyatakan tadi bahawa bagi tujuan untuk mengurangkan tekanan keperluan dan persaringan ke atas kewangan negara yang terhad itu, saya juga suka mengesyorkan supaya agensi-agensi Kerajaan patutlah lebih digalakkan oleh Perbendaharaan dan oleh Kerajaan untuk mencari punca-punca pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan seperti bank-bank perdagangan bagi membiayai projek-projek mereka, terutamanya projek-projek yang berbentuk dan yang bermatlamat commercial supaya dengan itu mereka tidaklah terlalu bergantung kepada pembiayaan

negara semata-mata sebagaimana lazimnya.

Saya berpendapat kecenderungan untuk terlalu bergantung kepada Kerajaan inilah yang menjadi salah satu faktor yang telah menyebabkan meningkatnya belanjawan-belanjawan negara di masa-masa yang lalu dan yang menyebabkan sukar bagi kita untuk meminimumkan belanjawan-belanjawan negara kita dan yang sebaliknya menyebabkan implikasi-implikasi lain seperti pertambahan dan peningkatan hutang negara dan kerana itu masalah membayar hutang dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, agensi-agensi Kerajaan kita pada pokok dan sebenarnya adalah badan-badan perniagaan sebagaimana juga badan-badan perniagaan swasta sungguhpun mereka ditubuhkan untuk memainkan peranan-peranan sosio-ekonomi dan sepatutnyalah mereka menguruskan dan mengendalikan operasinya sebagaimana badan-badan perniagaan swasta juga. Sebagaimana badan-badan perniagaan swasta bergantung dan bersaing untuk mendapatkan punca-punca pembiayaan modal dan lain-lain daripada institusi-institusi kewangan seperti bank-bank, agensi-agensi Kerajaan juga sepatutnya turut bersaing untuk mendapat dan berkongsi pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan di negara ini.

Langkah ini pada pandangan saya bukan sahaja akan meringankan beban kewangan negara, malah dapat memastikan perancangan, penilaian, pengurusan dan kawalan-kawalan ke atas kegiatan-kegiatan dan projek-projek mereka dengan lebih cekap dan lebih viable lagi termasuklah setengah-setengah projek-projek sosio-ekonomi itu sendiri, Tuan Pengerusi.

Agensi-agensi Kerajaan kita sebenarnya telah mempunyai sejarah yang lama di negara ini dan mereka

sebenarnya telah mempunyai cukup pengalaman dan keupayaan pengurusan yang sepatutnya boleh meyakinkan institusi-institusi kewangan untuk menyokong usaha-usaha pelaburan mereka. Dari kacamata institusi-institusi kewangan itu sendiri, langkah ini sepatutnya hendaklah dialu-alukan oleh kerana ia sebenarnya boleh menyokong dan menyumbangkan kepada perkembangan perniagaan mereka sendiri khasnya dan industri kewangan di negara ini keseluruhannya, amnya, melalui peningkatan dan pertambahan permintaan bagi pinjaman-pinjaman. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, Kerajaan sepatutnyalah mempunyai satu dasar yang sesuai dan condusive di dalam perkara ini. Bank-bank sepatutnya hendaklah dibenarkan mengenakan kadar faedah yang competitive bagi pinjaman-pinjaman yang diberikan bagi membiayai projek-projek Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan, oleh kerana jika kadar faedah akan dikawal sebagaimana halnya bagi pinjaman perumahan kos rendah dan sederhana di mana kadar faedah dikawal, ini sudah tentulah tidak menjadi menarik dan kurang menguntungkan institusi-institusi kewangan.

Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, melalui dasar strategi dan pendekatan pembiayaan dan belanjawan yang lebih terkaji dan dinamik, kita sepatutnya boleh menggunakan kewangan negara untuk membiayai lebih banyak projek dan mendapat lebih banyak faedah-faedah darinya. Saya mendapati pada masa ini setengah-setengah kos modal projek adalah dibiayai sepenuhnya melalui kewangan negara, misalnya di dalam kes projek-projek rumah awam kos rendah. Keperluan terhadap rumah-rumah awam kos rendah adalah suatu keperluan yang besar dan saya mendapati bahawa projek-projek rumah awam terpaksa ditangguhkan kerana masalah kewangan negara.

Bagi tahun 1985 di bawah Belanjawan ini, peruntukan sebanyak \$268 juta diperuntukkan bagi membiayai pelbagai projek perumahan awam di seluruh negara. Ini tentulah tidak mencukupi berbanding dengan keperluan. Saya berpendapat, Tuan Pengerusi . . . .

**Tuan Pengerusi:** Itu dasar, Yang Berhormat!

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila duduk sebentar! Untuk panduan Yang Berhormat, kalau kita lihat Kementerian Kewangan B. 28 Perbendaharaan; B. 29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan; B. 30 Peruntukan kepada Kumpulanwang Berkanun; B. 31 Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja; B. 32 Jabatan Hasil Dalam Negeri. Sekiranya Yang Berhormat sentuh sedikit-sedikit Kepala-kepala yang saya sebutkan tadi itu adalah lebih menepati maksud perbincangan di bawah Kepala-kepala yang menjadi masalah kita pada petang ini.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, saya hanya bersedia untuk membahaskan Kepala B. 28, Butiran 2.1 iaitu Pengurusan Belanjawan dan perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan adalah menyetujui cuma perkara-perkara itu sahaja.

Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, adalah mustahil Kerajaan akan dapat mampu membiayai sepenuhnya kos untuk mengadakan rancangan-rancangan perumahan kos rendah yang diperlukan di negara ini sematamata kerana kos yang diperlukan adalah terlalu besar dan Kerajaan tidak mempunyai cukup kewangan.

Dengan hal yang demikian itu, Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan supaya selain daripada langkah-langkah penswastan yang dipakai

sekarang, di mana kos ditanggung oleh pemaju-pemaju swasta, Kerajaan patutlah juga menggalakkan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan meminjam daripada institusi-institusi kewangan untuk membiayai projek-projek rumah kos rendah supaya lebih banyak rumah-rumah kos rendah dapat dilaksanakan.

Untuk menggalakkan institusi-institusi kewangan memberi pinjaman bagi projek ini, biarlah mereka mengenakan kadar faedah pasaran bagi pinjaman-pinjaman ini. Jika pihak-pihak berkuasa pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah ini dikehendaki meminjam daripada bank, kos projek tidaklah perlu ditanggung oleh Kerajaan kerana telah ditanggung oleh bank-bank, tetapi oleh kerana bank-bank akan mengenakan satu kadar faedah yang lebih tinggi daripada pembiayaan Kerajaan, perbezaan kadar faedah ini perlu ditampung oleh Kerajaan.

Oleh kerana itu saya memberi pandangan supaya di dalam pembentukan belanjawan yang akan datang, hanya subsidi faedah ini sahajalah yang saya cadang di bawah strategi Belanjawan tahun yang akan datang dibiayai oleh Kerajaan dan bukannya kos projek seluruhnya, oleh kerana kos projek telah ditampung oleh bank-bank.

Dengan hal yang demikian itu, Tuan Pengerusi, peruntukan-peruntukan Kerajaan, misalnya sebanyak \$268 juta bagi tahun ini bagi projek perumahan kos rendah bolehlah menampung pembinaan rumah-rumah kos rendah yang berlipat-ganda lagi, iaitu untuk membiayai subsidi faedah sahaja kepada agensi-agensi dan bukannya kos-kos projek sepenuhnya. Saya berharap strategi pembiayaan seperti ini akan dapat dikaji dengan lebih halus lagi oleh pihak Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, saya mendapati bahawa pada masa ini kita ada mempunyai suatu Akta yang pada pandangan saya bukan sahaja tidak menggalakkan malah menghalang agensi-agensi Kerajaan tertentu daripada meminjam daripada institusi-institusi kewangan, khususnya daripada bank-bank dan ini pada pandangan saya juga adalah bertentangan dengan matlamat hendak mengurangkan tanggungan kewangan Kerajaan ke atas agensi-agensi tersebut.

Akta yang saya maksudkan ialah Akta Pemerbadanan (Pindaan) 1981 yang menetapkan, di antara lain, PKEN-PKEN tidaklah boleh meminjam atau menjamin yang melibatkan liabiliti-liabiliti kewangan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Menteri Kewangan iaitu sebagaimana di dalam Fasal 14 (1) (d) Akta tersebut. Sungguhpun peruntukan Fasal ini adalah berbentuk dan bertujuan untuk mengawal tetapi pada amalan dan hakikatnya ia mempunyai kesan yang menyekat oleh kerana kebenaran Menteri Kewangan sebenarnya memakan masa kalaulah tidak diperolehi langsung dan melibatkan banyak proses-proses dan prosedur-prosedur pentadbiran. Soalnya ialah mengapakan PKEN-PKEN perlu mendapat kebenaran bertulis . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menggulung sekarang? Saya bercadang menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab dan menggolong perbahasan pada pukul 4.05 minit.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, satu minit lagi. Soalnya ialah mengapakah PKEN-PKEN perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Menteri Kewangan untuk meminjam sedangkan PKEN-PKEN adalah agensi-agensi Kerajaan-kerajaan

Negeri dan pinjaman dijamin oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Soalnya yang lain pula ialah mengapakah PKEN-PKEN perlu disekat, tidak digalakkan atau dikawal daripada meminjam dari Institusi-institusi Kewangan sehingga mereka terpaksa terlalu bergantung kepada pinjaman daripada Kerajaan Pusat dan yang sebenarnya menjadi beban kepada punca kewangan Kerajaan. Sekiranya mereka boleh mendapat pinjaman-pinjaman daripada Institusi-institusi Kewangan dengan cepat dan bersegera, mengapakah mereka perlu dihalang dengan syarat-syarat dengan prosedur-prosedur pentadbiran yang boleh menjadi satu kegendalaan. Dengan hal yang demikian itu, saya suka mencadangkan supaya peruntukan Akta Pemerbadanan (Pindaan) 1981 ini bagi Fasal yang berkenaan itu dikaji dan dipinda semula untuk membolehkan dan menggalakkan PKEN-PKEN meminjam daripada Institusi-institusi Kewangan sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan pergantungan mereka kepada kewangan negara dan tidak menjadi beban kepada Belanjawan Negara.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih. saya mohon menyokong.

**Tuan Ban Hon Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat boleh berucap dalam masa empat minit?

**Tuan Ban Hon Keong:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

4.02 ptg.

**Tuan Ban Hon Keong (Batu Gajah):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan Kementerian Kewangan kerana jika Kementerian ini dapat mengambil langkah yang bijaksana, iaitu memperlakan

proses mengambil alih saham-saham syarikat asing . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta duduk sebentar! Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bersedia menunggu sehingga 4.15 petang?

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya mengikut perintah Pengerusi sahaja. Kalau jawab sekarang pun boleh, tunggu pun tidak apa.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan, Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberi masa sedikit. Tetapi janganlah terlalu panjang.

**Tuan Ban Hon Keong:** Tuan Pengerusi, terima kasih—iaitu memperlahankan proses mengambil alih saham-saham syarikat asing sehingga keadaan pendapatan kita dari perdagangan antarabangsa diperbaiki dan mengizinkan kita membuat sedemikian sekali lagi. Dengan cara mempercepatkan mengambil alih saham-saham syarikat asing di negara kita, ianya tidak boleh dan tidak dapat memperbesarkan kek ekonomi negara kita. Oleh yang demikian, saya bercadang kita menggunakan jumlah wang itu untuk memperluaskan serta memperkukuhkan keadaan ekonomi negara kita, supaya ia dapat lebih bermanfaat kepada rakyat negara kita pada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita sedia maklum, semenjak tahun 1982 sehingga hari ini, dalam bidang perdagangan antarabangsa, negara kita telah mewujudkan satu angka kekurangan yang amat besar, kekurangan dalam perdagangan tidak ketara akan meningkat ke \$10.8 billion tahun hadapan, angka ini meningkat sedemikian cepat dan besar, badan-badan Kerajaan yang di luar perbelanjaan mengamalkan cara

mengambil alih saham-saham syarikat asing secara cepat dan besar-besaran adalah unsur utama yang mengakibatkan kejadian buruk ini. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kerana negara kita ingin mencapai tujuan Dasar Ekonomi Baru, maka telah mengambil alih saham-saham syarikat asing secara besar-besaran seperti London Tin, Guthrie Corporation dan Harrisons & Crosfield. Pengambilan alih syarikat-syarikat ini telah menyebabkan pengaliran keluar wang kita dengan angka yang besar, dan sebaliknya negara kita pula telah cuba sedaya upaya untuk menggalakkan negara asing untuk melabur di negara kita, agar kita dapat wang asing untuk menampung kekurangan modal di negara kita. Kedua-dua perkara ini adalah berlaku serentak. Hanya untuk mendapat kuasa dalam Guthrie Corporation sahaja, negara kita telah menghabiskan wang sebanyak \$1 billion. Maka, bukankah langkah-langkah ini telah bercanggah sesama sendirinya?

Tuan Pengerusi, dasar perdagangan negara kita ialah dengan harga yang berpatutan mengambil balik perusahaan-perusahaan yang berdasarkan atas bahan semula jadi dan cara ini telah menunjukkan keyakinan kita dalam arena perdagangan bebas. Tetapi semasa negara kita menghadapi angka kekurangan yang besar, kita masih meneruskan perbuatan sedemikian, maka ia merupakan lebih membebankan keadaan kewangan negara kita. Oleh yang demikian, saya mencadangkan pihak Kerajaan memperlahankan rancangan mengambil alih syarikat asing sehingga keadaan kewangan negara kita mengizinkan. Sementara itu, pihak Kerajaan patut menggunakan jumlah wang yang besar itu untuk memperluaskan bidang ekonomi negara kita, seperti membuka lebih banyak ladang-ladang, mendirikan

lebih banyak kilang-kilang untuk perusahaan. Dengan cara ini, bukan sahaja wang kita tidak akan mengalir keluar, bahkan kita akan menguntungkan lebih banyak asing, kepada rakyat pula, ia akan memperuntukkan lebih banyak pekerjaan. Ini memang adalah satu rancangan serampang dua mata, saya harap pihak Kerajaan dapat memberi keutamaan.

Akhirnya, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab dan menggulung perbahasan.

*4.08 ptg.*

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih saya kepada keempat-empat Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Anggaran bagi Kementerian Kewangan. Saya akan cuba menerangkan seberapa banyak yang boleh perkara-perkara ataupun kemuskilan-kemuskilan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan tetapi tidak disentuh oleh saya, percayalah bahawa ini tidak bererti perkara-perkara itu tidak dianggap penting tetapi sama ada perkara itu telah diterangkan di masa-masa yang lalu ataupun sengaja tidak diterangkan bagi menjimatkan masa Dewan yang mulia ini.

Saya memberi jaminan juga bahawa segala hujah-hujah ataupun kemuskilan-kemuskilan yang telah dibangkitkan oleh mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat telah dicatat dan tindakan-tindakan di mana-mana difikirkan sesuai akan diambil, insya Allah.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyampaikan terima kasih khas saya kepada Yang Berhormat dari Kuala

Lumpur Bandar. Walaupun beliau dari parti Pembangkang, tetapi hujah-hujah serta cadangan-cadangannya sentiasa constructive. Kalaulah semua wakil-wakil dari DAP mempunyai sikap seperti ini, saya percaya masa Dewan yang mulia ini dapat diselamatkan dan berfaedah serta kebaikan kepada negara dapat kita pertingkatkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh tentang pinjaman perumahan, di mana beliau meminta Kerajaan menyemak semula Skim Pinjaman Perumahan dengan mengurangkan faedah atau Kerajaan menyediakan tanah dan kemudahan-kemudahan asas di kawasan perumahan bagi mengurangkan kos membeli atau membina rumah supaya kakitangan awam dalam Kumpulan "C" dan "D" mampu membeli atau membina rumah sendiri.

Tuan Pengerusi, Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan seperti yang kita tahu telah wujud dalam tahun 1970 dan telah disemak semula dalam tahun 1980, di mana kelayakan jumlah pinjaman yang ada sekarang telah ditetapkan. Kelayakan-kelayakan ini telah ditetapkan berasaskan kepada harga-harga rumah dan jumlah kemampuan kakitangan berkenaan membayar pinjaman tersebut mengikut ansuran bulanan dari gaji kakitangan berkenaan. Bagi pekerja Kumpulan "C" dan "D" didapati bahawa kelayakan masing-masing adalah mencukupi untuk membeli rumah-rumah kos rendah ataupun rumah-rumah kos sederhana.

Kementerian Kewangan berpendapat bahawa pemberian pinjaman perumahan ini dengan tempoh pembayaran balik maksima 25 tahun dengan kadar faedah 4% merupakan satu skim yang amat baik dan berfaedah kepada kakitangan Kerajaan jika dibandingkan dengan

pinjaman-pinjaman perumahan yang dibuat daripada bank-bank ataupun institusi-institusi kewangan yang lain.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, ini Tuan Pengerusi, untuk meminta Kerajaan menyediakan tanah dan kemudahan asas di kawasan perumahan bagi mengurangkan kos membeli atau membina rumah, saya berpendapat bahawa cadangan ini lebih sesuai dan lebih tepat sekiranya dirundingkan dengan pihak yang berkenaan, pihak yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkara-perkara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 87,000 peminjam dari Kumpulan "C" dan "D" telah diberi pinjaman perumahan sejak skim ini ditubuhkan dalam tahun 1970. Ini bermakna hampir 50% daripada jumlah pinjaman-pinjaman perumahan Kerajaan sebenarnya terdiri daripada mereka di dalam Kumpulan "C" dan "D". Walau bagaimanapun, penyertaan kakitangan dalam Bahagian IV, bolehlah dikatakan tidak begitu memuaskan, walaupun mereka layak meminjam \$30,000 yakni sudah melebihi daripada kos maksima rumah-rumah kos rendah yang kita faham bahawa bagi rumah-rumah kos rendah ini hanyalah \$25,000 ke bawah, tetapi pinjaman ini tidak begitu memuaskan oleh sebab penawaran bagi rumah-rumah kos rendah ini amat sedikit, amat kurang dibandingkan dengan permintaan. Jadi apabila penawaran itu kurang daripada permintaan, maka sudah tentulah semua yang memohon itu tidak dapat berjaya memiliki rumah-rumah. Walaupun dari segi hak pinjaman bagi tujuan membeli rumah ini cukup sebenarnya.

Selain daripada itu juga, Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah pun

memberi pinjaman perumahan bagi mereka yang hendak membeli rumah-rumah pangsa daripada pemaju-pemaju swasta. Ini adalah bertujuan bagi menggalakkan mereka ini menggunakan kemudahan Pinjaman Perumahan Kerajaan dan seterusnya memiliki kediaman ataupun rumah sendiri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli dari Kuala Lumpur Bandar juga telah membangkitkan tentang pengeluaran wang KWSP oleh sindiket palsu dan Yang Berhormat juga meminta Kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang bertanggungjawab dengan membawa mereka ke pihak pengadilan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya, jumlah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu sebanyak \$1 juta tidak berapa tepat. Jumlah yang sebenarnya ialah lebih kurang \$114,000 sahaja yang dikeluarkan melalui sindiket palsu ini oleh 14 orang atau beberapa orang ahli KWSP. Dan juga ingin dimaklumkan iaitu penipuan yang kita panggil ini tidak melibatkan orang lain, tidak melibatkan wang simpanan ahli-ahli KWSP yang lain, lebih tepat kalau kita katakan mereka ini menipu mereka sendiri, mereka mengeluarkan duit mereka sendiri dengan tujuan hendak membeli rumah, tetapi rumah tidak dibeli. Ertinya wang itu digunakan untuk kegunaan lain agaknya, jadi tipu diri sendiri, sepatutnya wang itu digunakan apabila mereka sudah berhenti kerja.

Saya berharaplah Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar puas hati kalau saya mengatakan bahawa pihak Polis telah pun diberitahu tentang perkara ini di atas penyelidikan yang dibuat oleh pegawai-pegawai KWSP sendiri dan mereka yang terlibat telah pun dibawa ke Balai Polis, tetapi dilepaskan selepas itu atas jaminan dan mereka

ini akan didakwa apabila segala urusan mengenai perkara ini diselesaikan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, pihak KWSP juga telah mengambil langkah-langkah wajar bagi mengelakkan penipuan seperti ini berlaku di masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga mencadangkan agar Akta KWSP dipinda bagi membolehkan pencarum mengeluarkan wang untuk tujuan pelajaran dan pelaburan selain dari membeli rumah.

Tuan Pengerusi, secara kebetulan KWSP telah pun mengemukakan cadangan yang dipanggil Scheme Innovative KWSP dengan tujuan membaiki faedah-faedah kepada ahli-ahli KWSP sendiri. Kajian teknikal terhadap cadangan ini telah pun siap dan laporan terakhir sedang disediakan. Insya Allah, Tuan Pengerusi, kalau tidak ada apa-apa halangan, Rang Undang-undang berkaitan dengan pindaan kepada Ordinan KWSP bagi melaksanakan skim "innovative" ini akan dibentangkan di persidangan Dewan yang mulia ini di sesi yang akan datang dan kalau sekiranya diluluskan yang mana kita percaya akan diluluskan, ianya akan dilaksanakan kira-kira dalam pertengahan tahun hadapan.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menyentuh tentang cek melambung, kadangkadangkang orang kata "cheque fault", cek yang sudah tak ada duit, "faulty cheque", dengan izin. Yang Berhormat meminta Kerajaan berunding dengan Bank Negara dan Persatuan Bank-bank Malaysia untuk membanteras masalah cek-cek melambung yang disediakan oleh peniaga-peniaga tulen. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya pihak-pihak yang mengeluarkan cek melambung ditegah

dari membuka akaun dalam mana-mana bank di negara ini atau cara-cara lain yang berkesan. Tuan Pengerusi, cadangan Ahli Yang Berhormat ini saya rasa amat baik dan Kementerian Kewangan akan berunding dengan pihak Bank Negara dan juga Persatuan Bank-bank Malaysia mengenai perkara ini.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ialah menggesa Kerajaan supaya cukai perkhidmatan dikurangkan kepada 5% atau had perniagaan yang dikenakan cukai perkhidmatan dinaikkan dari \$500,000 kepada \$1 juta setahun. Tuan Pengerusi, saya inginlah hendak memberitahu Dewan ini bahawa kedua-dua cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak dapat diterima oleh Kementerian Kewangan. Pada pandangan Kementerian Kewangan, sesebuah restoran yang mempunyai jualan melebihi \$500,000 setahun bolehlah dianggap sebagai satu restoran yang besar dan sejajar dengan itu adalah difikirkan bahawa mereka yang benar-benar berpendapatan rendah tidak menjadi, dengan izin, "regular clients" ataupun pelanggan yang regular di restoran-restoran seperti ini, barangkali dia datang sekali sekala, ini tidaklah merupakan satu beban kepada pelanggan itu.

Pada ketika ini, Tuan Pengerusi, hanya 396 restoran sahaja ataupun tempat-tempat makan seluruh negara kita yang membayar cukai perkhidmatan. Ini menunjukkan bahawa bilangan restoran yang terlibat adalah kecil dan dengan itu cukai perkhidmatan ke atas restoran-restoran dan tempat-tempat makan di luar hotel tadi tidak perlu dikurangkan, sama ada dari segi peratusan cukainya daripada 10 kepada 5 ataupun menaikkan daripada \$500,000 kepada \$1 juta. Malah, ada

kemungkinan cukai ini diperluaskan lagi, sama ada dengan mengurangkan had jualan setahun, barangkali diturunkan daripada \$500,000 kepada \$300,000 ataupun \$200,000, tidak angka yang sebenar saya sebutkan tadi, cuma sebagai misalan sahaja. Ertinya kita mungkin memperluaskan lagi memandangkan bahawa Kerajaan pun baru-baru ini telah pun mengurangkan cukai pendapatan. Jadi, patutlah cukai pendapatan kurang, barangkali kita naikkan pula cukai-cukai lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda menyentuh beberapa perkara, di antaranya beliau menggesa Kerajaan mengambil tindakan tegas bagi memastikan Jabatan ataupun Agensi Kerajaan mengambil berat tentang pertanyaan audit dan menghantar Penyata Kewangan pada waktu-waktu yang ditetapkan. Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Acara Kewangan akan dipinda bagi menjadikan satu kesalahan kepada seseorang kakitangan awam kerana tidak menjawab pertanyaan audit. Setelah Akta ini dipinda, saya percaya perkara kelewatan menjawab pertanyaan audit ataupun tak mahu menjawab pertanyaan audit ini mungkin tidak timbul lagi kerana takutkan denda atau sebab kesalahan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda juga menggesa Kerajaan mengambil tindakan terhadap Jabatan ataupun Agensi Kerajaan yang tidak menjelaskan bayaran. Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah pun menjalankan usaha bagi membanteras perkara ini. Selain dari lawatan-lawatan yang dibuat oleh pegawai-pegawai Kementerian sendiri, Kementerian Kewangan juga bersedia menerima aduan-aduan dari pembekal-pembekal. Aduan-aduan tersebut

akan diambil tindakan apabila diterima. Masalah ini telah jauh berkurangan dari segi dibandingkan dengan 2-3 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, sekali sekala berlaku juga masalah seperti ini tetapi barangkali ianya berlaku di luar kawalan Jabatan ataupun Agensi-agensi Kerajaan itu sendiri.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda juga menggesa Kerajaan membanteras perbelanjaan melebihi peruntukan, perbelanjaan yang tidak disokong oleh resit ataupun dokumen atau perbelanjaan tanpa kelulusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat tindakan telah diambil oleh Kementerian Kewangan dalam perkara ini. Adalah dijangka perkara ini akan berkurangan di masa-masa yang akan datang. Bagi kejadian-kejadian yang berlaku di Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri ataupun Badan-badan Berkanun, Penguasa-penguasa Tempatan, Kementerian Kewangan akan berunding dengan Ketua Audit Negara bagi membanteras berlakunya perkara seperti ini di masa-masa yang akan datang.

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat minta penjelasan?

**Tuan Othman bin Abdul:** Kalau kita perhatikan di dalam Buku Belanjawan bahawa bayaran ganti pulang-balik dan hapus-kira peruntukan untuk tahun 1985 ialah \$7,625,810 berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1984 hanyalah \$2 juta, jadi menunjukkan kenaikan sebanyak hampir \$5 juta. Jadi, mengikut kata Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa keadaan ini telah makin berkurangan, jadi saya tak nampak macam mana masalah ini sedangkan peruntukannya adalah lebih.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, kalau kita ambil hapus-kira sebagai misalan, kita tidak semestinya lupa bahawa perbelanjaan Kerajaan itu bertambah besar. Ertinya hapus-kira \$500,000 dalam tahun 1960, itu barangkali besar berbanding dengan jumlah perbelanjaan kesemuanya dan hapus-kira \$2 juta dalam tahun 1990 kecil kerana perbelanjaan kita berlipat-lipat kali ganda. Walau bagaimanapun, kita akan pastikan juga sama ada dari segi peratusan dan juga dari segi angka sebenarnya, ini akan kita perbaiki.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Yang Berhormat dari Ulu Muda telah mencadangkan agar Kerajaan membayar elaun sewa rumah sebanyak 10% dari gaji kepada semua kumpulan kakitangan dan tidak hanya terhad kepada pegawai-pegawai dalam Tingkatan Tertinggi G ke atas sahaja.

Tuan Pengerusi, dari segi moralnya barangkali perlu diterangkan sebab di dalam pembayaran Elaun Khidmat Awam yang hanya dibayar kepada Pegawai-pegawai Tingkatan Kanan dalam Kumpulan A ke bawah, ertinya Tingkatan Kanan dalam Kumpulan A, Tingkatan Biasa, kemudian Kumpulan B, C dan sebagainya dibayar Elaun Khidmat Awam sebanyak \$35 hingga ke \$250. Pegawai-pegawai Tingkatan G ke atas tidak dibayar elaun ini, hanya Pegawai-pegawai Tingkatan Kanan dalam Kumpulan A ke bawah sahaja yang dibayar dan di dalam Elaun Khidmat Awam ini termasuklah unsur-unsur perumahan—sudah dikira unsur-unsur perumahan dalam elaun ini maka itu tidak wajarlah bagi mereka ini dibayar pula Elaun-elaun Sewa Rumah seperti yang . . . . .

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat minta penjelasan lagi?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Pengerusi, kalau tidak silap saya bagi

pegawai-pegawai dalam Superscale G ke atas mereka dibayar Elaun Keraian tambahan di samping Elaun Sewa Rumah. Kalau perbandingan begitulah, saya rasa itu suatu pertimbangan yang kurang adil bagi saya untuk semua kategori kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, kalau hendak kirakan adil seelok-eloknya gaji ini sama banyak. Kalau boleh gaji Timbalan Menteri pun serupa gaji Perdana Menteri, kalau boleh gaji Pelayan Pejabat pun serupa gaji KSN, kalau hendak kira adil dari segi pembahagian begitu. Tetapi kalau hendak adil dari segi kebiasaan sudah tentulah pegawai yang tinggi itu gajinya lebih tinggi daripada pegawai yang rendah sebab tanggungan pegawai tinggi itu lebih daripada pegawai yang rendah. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, sebagai jawapan, tak bolehlah kita timbangkan. Kita tak akan timbangkan elaun rumah ini kerana sudah ada dalam Elaun Khidmat Awam yang berjumlah \$35 hingga \$250.

Tuan Pengerusi, dua orang lagi telah . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Saya setuju dengan Yang Berhormat, mustahil bagi mathematic mendefinisikan apakah social justice.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, wise men think alike, dengan izin (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, ada dua lagi Ahli Yang Berhormat, satu Yang Berhormat dari Ulu Nerus. Sebenarnya saya tak dapat hendak memberi ulasan yang tepat kerana Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus lebih menekankan tentang strategi-strategi. Walau bagaimanapun, saya rasa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi akan kita ambil kira di

waktu menyediakan Belanjawan-belanjawan di tahun-tahun yang akan datang dan kita harap kalau sekiranya keadaan ekonomi bertambah baik maka sudah tentulah kita akan memperuntukkan lebih banyak lagi peruntukan-peruntukan bukan sahaja di satu-satu bidang tetapi di semua bidang seadil-adil yang boleh. Tetapi ada sedikit yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Nerus berkaitan dengan Akta Perbadanan yang memerlukan PKEN-PKEN mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri Kewangan sebelum membuat pinjaman. Mengikutnya ini telah menimbulkan masalah, pertama ialah kelewatan kelulusan, yang kedua, penerapan syarat-syarat yang ketat.

Tuan Pengerusi, pengesanan peruntukan yang berkesan untuk memastikan bahawa PKEN-PKEN membuat pinjaman-pinjaman yang betul-betul viable maka sudah tentulah pihak Kementerian Kewangan terpaksa meneliti perkara ini dengan baik. Kerajaan sedar tentang kesediaan PKEN-PKEN memberi jaminan tetapi pada akhirnya Kerajaan Persekutuan juga yang akan dipinta menyelamatkan kalau sekiranya ada masalah yang serius yang berlaku di dalam satu-satu projek. Ini mengikut pengalaman-pengalaman yang telah berlalu selama ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah menyebut dua, tiga perkara tetapi rasa saya yang paling penting ialah berkenaan dengan pengambilan saham-saham syarikat-syarikat asing sedangkan di waktu yang sama Kerajaan menggalakkan pelaburan-pelaburan asing di negara kita dan mengikut Yang Berhormat dari Batu Gajah ini ada pertentangan.

Tuan Pengerusi, kalau tidak diterangkan baik-baik mungkin dianggap ini bertentangan. Tetapi sebenarnya kalau kita lihat Kerajaan

menggalakkan pengambilan syarikat-syarikat asing terutama sekali oleh PNB adalah syarikat-syarikat yang berdasarkan kepada tanah misalnya seperti ladang ataupun lombong. Kita galakkan PNB mengambil saham-saham di dalam syarikat-syarikat seperti ini. Tetapi kita menggalakkan pelaburan-pelaburan asing di dalam bidang perkilangan sebagai misalnya, kita tidak menggalakkan pelabur-pelabur asing itu membuka ladang-ladang. Kita tidak mahu mereka itu membuka ladang-ladang, tetapi kalau mereka itu datang ke mari untuk melabur dalam perkilangan dengan tujuan juga membolehkan, dengan izin, transfer of technology ataupun pemindahan teknologi, ada transfer of technology, dengan izin, Tuan Pengerusi, ini yang digalakkan. Kalau sekiranya kita tidak mahu pelabur-pelabur asing melabur di dalam bidang-bidang perindustrian seperti ini dua perkara mungkin berlaku, pertama sukar bagi kita hendak membangun di dalam industri berkenaan dan kedua, kita sendiri tidak dapat mempelajari teknologi-teknologi yang telah ada pada orang asing yang lebih maju daripada kita.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah ialah aliran keluar matawang dan dikaitkan pula dengan perdagangan antarabangsa.

Yang sebenarnya, Tuan Pengerusi, aliran kini seperti yang kita tahu lebih keluar daripada masuk. Kerana kita mengeksport kurang daripada kita mengimport. Ertinya pembelian dari luar negeri itu lebih banyak daripada penjualan keluar negeri. Kita faham bahawa negara kita ini banyak mengeksport barang-barang utama selain daripada petroleum, getah dan sebagainya. Permintaan selain daripada petroleum, seperti terhadap getah, bijih timah dan sebagainya termasuk hasil kayu-kayan telah berkurangan. Selain daripada

permintaan yang berkurangan harganya pun bertambah rendah, menurun, maka itu hasil penjualan yang kita dapat dari eksport ini telah berkurangan sedangkan barang-barang yang kita beli, barang-barang yang dibuat kebanyakan barang-barang yang kita import itu, selain daripada makanan, terdiri daripada barang-barang jentera dan sebagainya, telah bertambah dari segi harga. Maka dengan itu secara teruslah aliran keluar itu lebih banyak daripada masuk.

Kita juga telah menerangkan beberapa kali satu lagi perkara yang menyebabkan aliran keluar ini iaitu adanya "invisible payment", pembayaran tidak ketara, yang terdiri daripada banyak perkara, yang pertama pengangkutan, freight, insurans, pelajaran anak-anak kita ke luar negeri dan juga pembayaran hutang negara. Ini merupakan perkara yang menyebabkan aliran keluar lebih banyak daripada aliran masuk. Walaupun kalau kita lihat dari segi "merchandise account", dengan izin, sebenarnya mulai tahun 1984 ini kita mengeksport lebih banyak daripada mengimport. Jadi sebenarnya aliran keluar bukanlah hanya berdasarkan kepada perdagangan antarabangsa sahaja, maka itulah kita hendak memastikan supaya kita sentiasa berwaspada dan telah membuat sekatan-sekatan yang banyak terhadap pinjaman-pinjaman oleh individu dari luar negeri ataupun "off shore loan", dengan izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah yang dapat saya perkatakan. Sekali lagi saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau sekiranya saya tidak disentuh, insya Allah, perkara itu telah pun dicatat dan tindakan-tindakan yang wajar akan diambil secepat mungkin dan kepada mereka juga saya berterima kasih dan kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$84,538,200 untuk Maksud B. 28; \$365,888,350 untuk Maksud B. 29; \$1,156,500,000 untuk Maksud B. 30; \$133,339,300 untuk Maksud B. 31 dan \$84,332,500 untuk Maksud B. 32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$84,538,200 untuk Maksud B. 28; \$365,888,350 untuk Maksud B. 29; \$1,156,500,000 untuk Maksud B. 30; \$133,339,300 untuk Maksud B. 31 dan \$84,332,500 untuk Maksud B. 32 di bawah Kementerian Kewangan diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20,620,050 yang disebutkan dalam maksud P. 28; \$10,748,340 untuk Maksud P. 31 dan \$600,000,000 untuk Maksud P. 64 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,620,050 untuk Maksud P. 28; \$10,748,340 untuk Maksud P. 31 dan \$600,000,000 untuk Maksud P. 64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

*Maksud B. 27 (Jadual)—*

*Maksud P. 27 (Anggaran Pembangunan, 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 27 dan Kepala Pembangunan P. 27 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.45 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada Maksud Kepala B. 27 dan Kepala P. 27 yang mencadangkan peruntukan untuk melaksanakan dasar luar negeri negara kita di atas perkara-perkara yang tertentu.

Terlebih dahulu saya ingin bangkitkan suatu masalah berkenaan perasaan anti orang Asia yang ditimbulkan di negara jiran kita iaitu Australia. Sebelum saya memberi pandangan saya selanjutnya, saya ingin menjelaskan bahawa parti DAP dan saya sendiri tetap menghormati kedaulatan kesemua negara. Saya tidak berminat melahirkan apa-apa perselisihan ataupun menimbulkan suasana ketegangan antara negara kita dan negara lain. Huraian saya tentang perasaan anti orang Asia di antara sebahagian rakyat Australia adalah berasas pada perinsip bahawa perhubungan yang erat di antara ahli-ahli negara Asia Pasifik itu patut dikekalkan supaya menentukan kestabilan rantau bahkan keharmonian dan kesejahteraan di seluruh dunia ini.

Di samping ini sebagai seorang ahli politik adalah tanggungjawab dan usaha kita untuk menghilangkan prasangka perkauman yang tercetus dalam bidang politik antarabangsa.

Sebenarnya, pada tahun kebelakangan ini hasutan anti orang Asia telah ditimbulkan oleh pihak tertentu dalam bidang politik Australia. Soal pendatang-pendatang berketurunan Asia telah menjadi tajuk hangat yang dibahas dalam Parlimen ataupun televisyen dan suratkhobar di Australia. Kejadian begini telah merebak ke universiti tempatan itu sehingga mempengaruhi beribu-ribu pelajar negara kita di seberang laut itu.

Pernyataan perkauman yang tidak diingini seperti, dengan izin, "two Wongs cannot make one White" pun telah disuarakan di Australia. Kita memahami "response" orang-orang Australia terhadap orang-orang Asia seluruh dunia telah mengalami masalah kemelesetan ekonomi. Pada hakikatnya masalah pengangguran yang disebabkan kemelesetan ekonomi itu telah mengakibatkan orang Asia dijadikan seperti pelanduk mati di tengah jalan dan diketuk pula merampas peluang pekerjaan dan peluang pelajaran bagi orang tempatan. Saya tidak dapat pastikan emosi anti orang Asia itu berlaku sama ada dari hakikat pelarian Vietnam yang diterima di sana tetapi tidak dapat dinafikan bahawa lantaran kerumitan ekonomi Australia maka timbullah rasa curiga mereka terhadap penerimaan pelarian-pelarian Vietnam.

Demikianlah peribahasa yang berbunyi sebab nila setitik rosak susu sebelanga. Perasaan tidak berpuas hati ini dibalas ke atas orang-orang Asia termasuk pelajar-pelajar Malaysia di Australia. Walaupun kita memahami perasaan pihak tertentu di Australia tetapi tidaklah bermakna kita menyetujui dengan perasaan yang mereka tunjukkan itu. Halnya bukanlah kerana rakyat Malaysia adalah orang-orang Asia sahaja malahan ia berhubung dengan perinsip moral kita yang bertujuan untuk menghapuskan prasangka perkauman antarabangsa. Isu yang sering menimbulkan ketegangan di antarabangsa ataupun dalam negara merupakan soal yang langsung tidak berdasarkan sebarang logik, sains atau falsafah. Isu ini semestinya emosi perkauman sahaja.

Sesiapa pun tidak dapat memilih keturunan, sedangkan saya dilahirkan di dalam sebuah keluarga Asia maka saya adalah seorang Asia. Keturunan seseorang itu ditakdir oleh Tuhan.

Soal politik mementingkan kepada dan menentukan pula nasib seseorang dan ketakdiran sesebuah negara.

Oleh yang demikian, perkara perkauman tidak boleh dijadikan satu alasan sewajarnya. Apa yang lebih mustahak ialah kesemua negara di dalam pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah ahli kejiranan antarabangsa ataupun "global village" dengan izin.

Pertubuhan ini hanya mengakui satu insan iaitu jenis Homo sapiens. Oleh yang demikian sekelompok orang Australia anti orang Asia, dengan izin, telah bertentangan dengan perinsip hak milik kemanusiaan. Saya mengetahui serta mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Australia kerana dasar-dasar beliau tidak dipengaruhi oleh perasaan anti orang Asia, ini tetapi tanda-tanda yang berada menunjukkan soalan keadaan orang-orang Asia di Australia akan menjadi satu isu yang hangat dalam pilihanraya yang akan datang di Australia. Apa yang dipersoalkan ialah adakah kemungkinan peluang pelajar-pelajar disekat pada masa hadapan. Dan yang kedua adakah rakyat Australia menyedari perasaan negara-negara ASEAN di dalam isu ini? Negara-negara ASEAN serta negara kita patutlah memerhatikan masalah ini di samping memupuk pertalian persahabatan dan perhubungan antara negara Asia Pasifik, kestabilan dan keteguhan di rantau ini perlu diutamakan.

Seluruh rakyat dalam negara-negara itu harus mengamalkan sikap "self-discipline" dan memahami buruk padahnya supaya mengelakkan perasaan berpecah belah antarabangsa, nescaya matlamat keharmonian dan kesejahteraan sedunia ini dapat diwujudkan. Tidak kira apa-apa kaum diutamakan, Australia tetap berkongsi nasib untung (destiny) yang sama seperti rantau Asia Pasifik atau negara-negara

ASEAN dalam bidang politik. Emosi anti orang Asia ataupun emosi anti Orang Putih dari mana pihak pun akan meninggalkan kesan yang buruk terhadap aspek tersebut.

Kita tidak akan melupakan Soviet Russia sedang mengintip mengharapkan sikap berkerjasama dan diruntuhkan sama sekali seterusnya ia dapat menceroboh. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memanglah terkenal dengan ucapannya yang berterus terang (blunt speaking). Baru-baru ini beliau pernah mengkritik tentang dasar perdagangan luar negeri Jepun yang bersifat merampas itu. Pihak DAP berkongsi dan menyokong pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam hal ini.

Dengan ini sukacitalah kita sekiranya Perdana Menteri dapat menyuarakan sedikit sebanyak terhadap perkara di Australia yang saya sebutkan. Demikian juga saya merayu agar Menteri Luar Negeri mengumumkan hasil perbincangan dengan Kerajaan Australia yang tidak lama dahulu tentang pengambilan bilangan pelajar-pelajar Malaysia ke Australia seketika beliau memberi jawapannya di Dewan ini.

Pada masa ini Kerajaan Australia telah menghadkan pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran di Australia dengan alasan kemelesetan ekonomi negaranya. Negara-negara maju haruslah memahami supaya kebajikannya apabila memberi bantuan kepada penuntut-penuntut yang datang dari negara-negara yang sedang membangun tak dapatlah ditimbangkan atau diukur dengan wang ringgit. Kita tidak ingin menyelidik tentang pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di Australia dan mengakibatkan pengaliran wang ringgit kita ke negara asing itu. Akan tetapi apa yang paling penting ialah bahawa negara maju

bertanggungjawab untuk memberi bantuan kepada negara yang sedang membangun. Perbuatan itu pula berdasarkan atas kerjasama dan kesejahteraan sedunia. Maka dasar Kerajaan Australia mengambil pelajar-pelajar Malaysia dengan kuota tertentu serta meninggikan yuran dan sebagainya haruslah dikaji semula oleh Kerajaan Australia sendiri.

Tuan Pengerusi, kita memanglah tidak puas hati dengan tindakan negara lain yang menindas bangsa asing. Kita pula tidak boleh mengamalkan "double standard". Di sini saya ingin mengkritik tentang sikap Kerajaan yang menghalang "New York Symphony Orchestra" mempersembahkan sebuah lagu yang bertajuk "Jewish Rhapsody". Sebab yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan adalah bahawa dasar luar negara Malaysia ialah pro-Palestine di dalam perkara konflik Timur Tengah. Apa yang kita harus ingatkan ialah bahawa negara Israel adalah sebuah negara yang timbul dari satu perjuangan politik yang dinamakan Zionist. Walaupun negara kita tidak bersetuju dengan cara perjuangan politik itu tetapi tidaklah bererti kita membenci semua orang bangsa Jewish. Contohnya sungguhpun dasar Soviet Union itu berminat mencerooboh, adakah ciptaan atau karya orang-orang Soviet seperti Leo Tolstoy atau Alexander Sholeskin dan dilarang dipersembahkan di Malaysia? Sekiranya dasar diplomatik kita sedemikian bermakna juga kita telah menunjukkan kepada seluruh dunia bahawa pandangan sebegitu singkat dan tidak membuka mata juga.

Tuan Pengerusi, saya ingin memperkatakan masalah Asia Tenggara sebagai "Zone of Peace, Freedom and Neutrality" (ZOPFAN). Masalah Kampuchea belum dapat satu penyelesaian, tidak ada apa-apa kesan pun menunjukkan tentera Vietnam berhasrat memberhentikan kegiatan

tenteranya yang mencerooboh itu. Terdapat dua segi pandangan untuk menambahkan tekanan terhadap Vietnam supaya ia mengundur diri. Ada pula yang berpendapat tindakan memperasangkan Vietnam tidak dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian Australia dan Indonesia pernah mencuba berhubung dengan pihak Vietnam tetapi mereka telah gagal dengan buruknya. Ini membuktikan bahawa hanya strategi diplomatik untuk memperasangkan secara keras menentang Vietnam itu akan berkesan dan berhasil juga. Oleh yang demikian, negara kita sebagai Pengerusi Jawatankuasa ASEAN pada masa ini harus bersikap keras dan melaksanakan "embargo" perdagangan dengan Vietnam secara menyeluruhannya.

Setakat ini terdapat negara-negara ASEAN masih berdagang perdagangan dengan Vietnam. Perbuatan ini patut dikaji semula. Di samping itu seketika kita menganalisa tindakan-tindakan angkatan ketenteraan Vietnam di Kampuchea kita mendapati kegelisahan Vietnam adalah pertempuran di sempadan China dengan Vietnam. Ini merupakan unsur pertama menjelaskan sebabnya Vietnam menyerang Kampuchea.

Saya berpendapat jika pihak ASEAN ingin menubuhkan satu ZOPFAN kini adalah masa yang tepat sekali bagi menyelidik tentang peranan yang dimainkan oleh negara China. Sejak turun temurun ASEAN menganggap China sebagai musuh yang pertama. Pada hakikatnya ancaman yang kuat sekali terhadap kestabilan, keamanan, kebebasan dan neutraliti di kawasan ini bukanlah dari China tetapi ialah dari Soviet Russia iaitu penolong dan penasihat Vietnam. Menurut satu seminar akademik di Australia pada masa lampau iaitu 35 tahun dahulu tidak ada sedikit pun bukti yang menandakan China ingin

merancang mencerooboh negara-negara lain secara tindakan ketenteraan. Sebenarnya China boleh memainkan peranan bagi mengekalkan kesejahteraan di rantau ini sekiranya negara ASEAN dapat mencapai satu persefahaman dengan China terhadap ancaman Vietnam. Jadi dalam politik antarabangsa yang begitu sofistikated ini haruslah negara kita dan ASEAN membincang atau meninjau dasar kita terhadap negeri China, apatah lagi China merupakan satu pasaran yang terbesar untuk hasil-hasil kita.

Akhirnya, saya mewakili Parti DAP memberi pendapat untuk mengekalkan rantau Asia Pasifik ini sebagai Zone of Peace, Freedom and Neutrality, kita haruslah berazam kuat supaya segala senjata nuklear dan percubaan ujian nuklear tidak seharusnya diadakan dalam zon ini. Senjata nuklear boleh memusnahkan segala makhluk dalam dunia ini. Jadi bukan sahaja kita merayu supaya percubaan ujian nuklear di rantau Pasifik Selatan diberhentikan sahaja bahkan perlu kita mengharamkan pula segala muatan senjata-senjata nuklear dan mengharamkan kapal-kapal yang menggunakan tenaga nuklear dari melalui perairan negara kita. Lama kelamaan Asia Tenggara serta rantau Asia Pasifik tentu akan menjadi teladan dan masyhur di dunia ini kerana ketiadaan kegiatan nuklear. Sekian.

4.58 ptg.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Maksud B. 27, muka surat 147 untuk Kementerian Luar Negeri. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri juga kakitangan Wisma Putra yang telah memainkan peranan dasar luar negeri kita yang telah mencapai prestasi yang baik sebagaimana objektif

Kementerian Luar Negeri iaitu untuk mempertahankan dan memperkukuhkan keselamatan negara.

Kedua, adalah untuk menstabilkan penilaian politik.

Ketiga, untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi negara melalui kegiatan diplomat dan diplomasi menarik pelabur-pelabur luar negeri menanam modal di dalam negara kita Malaysia.

Tuan Pengerusi, walaupun negara kita Malaysia adalah sebuah negara yang kecil di mata dunia dengan rakyatnya hanya hampir 15 juta, tetapi peranan yang dimainkan oleh Kementerian Luar Negeri dengan kakitangan Wisma Putra telah membuka mata negara-negara besar ataupun kuasa-kuasa besar di dalam dunia ini memandangkan tinggi akan pemikiran, peranan yang dimainkan oleh Malaysia sama ada di Bangsa-bangsa Bersatu ataupun di Timur Tengah ataupun di ASEAN.

Berhubung dengan apa yang dikata oleh Wakil DAP tadi tentang negara kita tidak begitu bersetuju tentang sokongan terhadap perjuangan PLO ataupun Pertubuhan Pembebasan Palestin, saya rasa itu hanya sebagai suatu pandangan daripada Parti DAP. Tetapi bagi diri saya sebagai penyokong Barisan Nasional, tetap memberi pujian dan sokongan bahawa kita tahu rakyat Palestin adalah begitu tertindas oleh kaum Zionis yang sentiasa menjalankan kezaliman terhadap rakyat Palestin, sudah semestinyalah sokongan yang kita berikan kepada Pertubuhan itu adalah sangat dialu-alukan.

Berhubung dengan perkara peranan politik dan juga penerangan di luar negeri di B. 27, Butiran 2 dan juga Butiran 1, Pentadbiran Am, saya sukalah menarik perhatian Kementerian Luar Negeri ini supaya peranan-peranan yang lebih

mengutamakan tentang keselamatan negara kita dan juga kedudukan politik di negara kita ini lebih ditekankan bersama-sama dengan nyertaan kita di dalam menarik pelabur-pelabur luar negeri dalam bidang ekonomi.

Di dalam peranan politik antarabangsa, saya rasa kita telah banyak memainkan peranan untuk mendamaikan negara-negara Islam di dalam peperangan mereka seperti Iran-Iraq tetapi yang lebih penting barangkali ialah ancaman yang sentiasa berada di dalam negara kita terutama sekali dari segi politik negara-negara ASEAN yang mana perkara-perkara ancaman daripada Vietnam itu adalah lebih mustahak difikirkan daripada ancaman-ancaman yang agak jauh daripada negara-negara kita. Dengan adanya peranan kita sebagai pengerusi kepada negara-negara ASEAN saya sangat berharap supaya perkara-perkara yang boleh menyebabkan negara-negara kita ini diancam oleh tentera-tentera daripada Vietnam itu akan menjadi satu malapetaka kepada rakyat kita yang sedang dalam membangunkan negara kita ini.

Tuan Pengerusi, dari segi politik penerangan apa yang dimainkan oleh duta-duta ataupun wakil-wakil kita di luar negeri dengan kerjasama Wisma Putra menghantar sama ada Menteri-menteri ataupun pegawai-pegawai tinggi kita haruslah diperhebatkan kepada penerangan-penerangan terutama sekali kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri yang mana sentiasa kita dapat mengikuti bahawa ada di antara bilangan pelajar-pelajar kita yang tidak mendapat cukup penerangan dari segi politik yang berlaku di tanahair mereka itu sendiri, kedapatan mereka itu mempunyai pendapat ataupun pemikiran yang cuba mempersalahkan pucuk pimpinan negara kita ataupun mempersalahkan Kerajaan kita. Saya

rasa apa yang sebaik-baiknya diperhebat dan diperkuatkan ialah sepatutnya kedutaan-kedutaan kita ataupun konsol-konsol kita di luar negeri itu supaya dapat membuat satu program dari masa ke semasa oleh kerana perkembangan politik di dalam negara kita ini sentiasa diikuti oleh pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Saya ingin menyentuh sedikit Tuan Pengerusi, B. 27, muka surat 148, Butiran 3.2, mengenai Ekonomi Antarabangsa.

Oleh sebab negara kita adalah sebuah negara pengeluar barang-barang seperti getah, kelapa sawit sekarang ini, didapati keadaan kestabilan harga itu ada kalanya memuncak naik terlalu tinggi dan ada kalanya pula turun dengan begitu rendah. Saya berharap dari segi diplomatik dan diplomasi Kementerian Luar Negeri harus juga memainkan peranan yang agak lebih memperkuatkan hubungan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ataupun Kementerian-kementerian lain supaya dari segi ekonomi antarabangsa ini dapat diselaraskan dengan keperluan-keperluan ekonomi ataupun perdagangan negara kita dengan negara-negara luar.

Kita sentiasa mengikuti akan usaha yang dibuat oleh sama ada Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri ataupun Menteri-menteri yang lain dalam negara kita ini sentiasa pergi ke luar negeri untuk mendapatkan hubungan, bantuan ataupun kerjasama dengan negara-negara maju untuk menarik mereka itu melabur di dalam negara Malaysia ini.

Yang penting saya rasa kepada Kementerian Luar Negeri ialah selepas daripada pucuk-pucuk pimpinan negara kita seperti Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang lain dengan

rombongan-rombongannya yang mengeluarkan belanja yang agak banyak, apabila mereka itu balik sudah sepatutnya saya ingin mencadangkan supaya, dengan izin, follow-up ataupun tindakan susulan di atas perbincangan-perbincangan pertemuan-pertemuan yang dibuat oleh lawatan-lawatan yang saya sebutkan tadi itu supaya dapat dilaksanakan tidak hanya tinggal lawatan sahaja tetapi pelaksanaannya ataupun cara untuk melaksanakan supaya negara-negara yang berjanji yang bersetuju dengan pertemuan dan juga perbincangan dengan rombongan-rombongan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang lain itu dapat dilaksanakan dengan tujuan supaya negara-negara yang telah memberi kepercayaan kepada Malaysia itu dapat segera ataupun dapat dipercepatkan pelaksanaannya untuk melabur sama ada dari segi industri dan sebagainya. Ini adalah untuk kita mengatasi masalah pengangguran dan sebagainya yang berlaku di dalam negara kita.

Maka dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan bagi Kementerian Luar Negeri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Jasin.

*5.10 ptg.*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin):** Tuan Pengerusi, baru-baru ini dalam wawancara di antara Radio Malaysia dengan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, beliau telah menjawab satu soalan sama ada Deklarasi Kuala Lumpur menjadikan Tenggara Asia negara Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali telah mendapat pengakuan daripada negara-negara besar yang diharapkan.

Saya tidak dapat menyebutkan perkataan yang dikeluarkannya satu

persatu dengan tepat tetapi mengikut apa yang saya fahamkan, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa sukar hendak mewujudkan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali kerana sukar mendapat pengakuan negara-negara besar disebabkan ada di antara negara-negara dalam kawasan ini yang masih mempunyai hubungan yang rapat dalam bidang ketenteraan dengan kuasa-kuasa besar.

Beliau tidak menyebutkan nama negara tersebut tetapi saya percaya seluruh rakyat mengetahui bahawa Amerika mempunyai pengkalan tentera di Filipina dan Amerika Syarikat memberikan sokongan ketenteraan yang banyak kepada Thailand untuk membantu negeri itu daripada serangan Vietnam dan Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew juga pernah berkali-kali menyebutkan bahawa kehadiran pihak Amerika di kawasan ini sangat penting bagi menseimbangkan kekuatan tentera Soviet Union yang semakin bertambah di kawasan ini.

Bagi pihak diri saya menyokong dengan penuh Deklarasi yang hendak menjadikan kawasan Tenggara Asia sebagai Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali tetapi dengan adanya keadaan seperti yang saya sebutkan tadi dan juga keraguan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar sendiri—saya minta maaf jika sekiranya saya silap faham di atas kenyataannya itu—maka apakah pendirian Malaysia dengan konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali, sama ada Malaysia berdikari dalam konteks tersebut atau masih lagi berharap supaya negara-negara lain di kawasan ini akan berubah sikap benar-benar berkecuali dan pada akhirnya sampai maksud hendak menjadikan Tenggara Asia sebagai Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Kerana bagi pihak wakil-wakil Kerajaan, Ahli-ahli Dewan

Rakyat, ahli-ahli politik dan juga rakyat Malaysia yang keluar negeri sentiasa mencanangkan dasar Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali itu, tetapi jika sekiranya Yang Berhormat Menteri sendiri menimbulkan keraguannya, maka saya tidak tahu bagaimanakah penerimaan rakyat Malaysia, sama ada mereka akan terus menjual idea konsep tersebut ataupun menunggu suatu pendirian Kerajaan yang baru. Saya berharap Yang Berhormat Menteri bagi pihak Kerajaan akan dapat menghilangkan kesamaran itu.

Yang kedua, saya suka juga menyebutkan masalah Kampuchea. Walaupun kadang-kadang masalah Kampuchea hampir dilupakan tetapi bahayanya tetap ada sepanjang masa selagi Vietnam tidak mengundurkan tenteranya daripada negara Kampuchea. Kita semua memuji langkah Kerajaan Malaysia dengan rakan-rakannya dalam ASEAN yang telah berusaha dengan tidak mengenal penat dan lelah pada sepanjang masa kerana sedar di atas bahaya yang berlaku di negara itu untuk mencari penyelesaian.

Mengikut Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu pada 22-10-1980 iaitu Resolusi 35/6 menyatakan dua perkara yang besar. Yang pertama, tentera asing hendaklah diundurkan dari Kampuchea dengan serta-merta, dan yang kedua, satu pilihanraya bebas hendaklah diadakan di Kampuchea.

Saya percaya seluruh negara dalam dunia yang hendakkan perdamaian di Kampuchea tetap menyokong Resolusi tersebut, tetapi yang menjadi masalah bagaimanakah Resolusi tersebut hendak dijayakan. Saya percaya Vietnam tidak akan mengundurkan diri daripada Kampuchea dengan hanya mengadakan paksaan dan desakan-desakan sahaja.

Pada tahun yang lalu sewaktu membahaskan perkara ini, saya telah menyebutkan di antara 5 hingga 10 tahun jika sekiranya Vietnam tidak mengundurkan diri daripada Kampuchea, Kampuchea akan hilang daripada dunia dan negara itu akan menjadi sebahagian negara Vietnam dan baru-baru ini Menteri Luar Vietnam sendiri di Bangsa-bangsa Bersatu telah menyatakan bahawa Vietnam akan terus menduduki negeri itu sekurang-kurangnya 5 tahun lagi.

Bertepatan seperti apa yang saya sebutkan bahawa dalam tempoh 5 tahun ini mungkinlah akan lenyap negeri Kampuchea ditelan oleh Vietnam. Negara di seluruh dunia yang mempunyai wakil di Bangsa-bangsa Bersatu terdiri daripada orang yang bijak pandai, ahli-ahli politik yang mempunyai pandangan yang jauh hanya dapat membuat Resolusi seperti yang saya sebutkan.

Saya sendiri tidak ada mempunyai apa-apa pandangan yang lebih daripada itu bagi menyelesaikan masalah Vietnam dan Kampuchea. Saya katakan tadi Vietnam tidak akan mengundurkan diri dengan paksaan kerana Vietnam berdiri tegak di negara tersebut yang disokong dengan kuat oleh Soviet Union.

Tadi Wakil dari Sarawak iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyatakan bahawa Malaysia sebagai Pengerusi, Jawatankuasa ASEAN pada tahun ini mestilah bertindak keras untuk mengadakan sekatan dagangan dengan Vietnam di Kampuchea sebagai satu tindakan keras untuk mengundurkan Vietnam. Kita tidak harus lupa bahawa Vietnam disokong kuat oleh Soviet Union dan bangsa Vietnam sendiri adalah terdiri daripada salah satu bangsa yang pernah menderita semenjak 40 tahun yang lalu. Maka saya percaya mereka sanggup menanggung penderitaan lebih lama lagi, namun keluar dari

negara Kampuchea itu sama sekali mungkin tidak dilakukannya, lebih-lebih lagi apabila mengikut Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu, satu pilihanraya bebas akan diadakan apabila askar Vietnam berundur. Ini akan menyebabkan bertambah kuat minat Vietnam kekal di Kampuchea sebab mereka tentu tidak mahu kalau-kalau Kampuchea kembali menjadi sebuah negara yang bercorak demokrasi seperti di Malaysia. Pendek kata usaha hendak mengundurkan Vietnam dengan cara kekerasan sukar dilakukan kecuali negara besar campur tangan. Tetapi sesudah enam tahun Vietnam berada di Kampuchea, Amerika mengambil sikap berdiam diri, boleh jadi Amerika tidak mahu mengulangi pisang berbuah dua kali seperti yang berlaku di Vietnam Selatan dahulu. Jika negara besar seperti Amerika mendingkan diri, maka usaha mengundurkan tentera Vietnam dengan kekerasan mungkin menjadi bertambah sulit.

Saya hanya memberikan pandangan, yang pertama, usaha negara-negara ASEAN hendaklah diperluaskan supaya mendapat sokongan yang lebih kuat daripada wakil-wakil Negara Dunia Ketiga. Apabila kita lihat resolusi di Bangsa-bangsa Bersatu yang bertambah bilangan dari masa ke semasa untuk mengakui Kerajaan Putera Norodom Sihanouk, kita dapati hampir-hampir semua negara dari dunia ketiga menyokong resolusi tersebut. Tetapi sesudah Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu tamat, mereka mendingkan diri sahaja. Walaupun ada satu ad hoc committee yang berpusat di Geneva di mana ahli-ahli terdiri daripada negara yang berkecuali seperti Malaysia, Jepun dan sebagainya, ini pun nampaknya tidak memberi kesan. Alangkah baiknya jika sekiranya lebih ramai kita dapat menarik wakil daripada negara-negara dunia ketiga bertindak sama cergasnya dengan yang dibuat oleh negara-negara

ASEAN sekarang ini, mungkin dapat mempengaruhi Vietnam dalam soal ini.

Satu lagi pandangan sekali lalu dari saya, jika sekiranya Vietnam tidak akan mengundurkan diri dan membiarkan satu pilihanraya bebas diadakan, sudah pasti satu pilihanraya diadakan waktu Vietnam masih berada di Kampuchea juga merupakan satu perkara mustahil. Kerana mustahil dapat diadakan satu pilihanraya bebas, maka saya meminta supaya Kementerian Luar Negeri kita menimbangkan, mendesak negara-negara daripada dunia ketiga untuk berganding bahu menghantar askar-askar ke Kampuchea bersama-sama dengan askar-askar Vietnam, bukan sahaja untuk menjaga keselamatan tetapi juga untuk mengadakan pilihanraya, walaupun askar Vietnam masih wujud tetapi disertai oleh askar-askar daripada negara-negara dunia ketiga. Pada fikiran saya, inilah jalan yang paling dekat yang belum pernah diutarakan oleh mana-mana pihak dan saya sendiri pun sebagai seorang diri mengeluarkan pandangan yang seperti itu, sama ada praktikal atau tidak, itu terpulang kepada pihak yang lain untuk memikirkannya.

Perkara yang penghabisan yang saya suka hendak sebutkan di sini, berkenaan dengan Perdagangan Luar Negeri yang ada tersebut dalam peruntukan ini.

Pada mula-mula dahulu Trade Commission atau Perkhidmatan Perdagangan Luar Negeri adalah diletakkan di bawah Kementerian Luar Negeri. Tetapi dalam tahun 1974 jabatan tersebut, Trade Commission telah dipindahkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kerana Kedutaan Malaysia di luar negeri lebih mementingkan soal politik, soal protokol dan tidak begitu banyak mengambil peranan dalam soal perdagangan.

Saya sendiri menyokong tindakan tersebut tetapi tidak dapat tidak mestilah ada hubungan yang rapat di antara Kedutaan dengan Trade Commission ini. Kepada saya oleh kerana Malaysia sebuah negara yang kecil dan politik kita juga tidak dapat mempengaruhi politik dunia, maka soal yang lebih penting ialah soal perdagangan. Jika boleh, pada pandangan saya, Trade Commission ini patut dibesarkan, jika tidak pun lebih daripada Kedutaan-kedutaan kita, tetap lebih kurang sama besarnya dengan kedutaan? Dan Duta-duta di luar negeri juga mesti mengambil peranan yang penting bersama-sama dengan Trade Commission di mana-mana sahaja mereka itu berada untuk memperluaskan lagi perdagangan Malaysia dengan perdagangan di negeri luar.

Ada juga pandangan yang disuarakan oleh setengah ahli-ahli perdagangan di negara kita yang ingin hendak berkhidmat menjadi Trade Commissioner di luar negeri. Pada masa ini, pada kebiasaannya, Trade Commissioner terdiri daripada Pegawai-pegawai Kerajaan. Mereka mempunyai kelayakan akademik yang tinggi, boleh jadi juga terdiri daripada mereka yang rajin bekerja tetapi mereka tidak ada mempunyai pengalaman, sebab tidak pernah menempuh dunia perdagangan.

Oleh sebab itu, kerana perkara ini ada kena mengena dengan soal Kedutaan Luar Negeri, sukalah saya mencadangkan untuk pertimbangan Kerajaan, kiranya ada ahli-ahli perniagaan yang ingin menawarkan diri menjadi Trade Commissioner boleh diterima, kerana mereka itu mempunyai pengalaman dan ingin berkhidmat kepada negara di mana mengikut pada fikiran saya boleh mendatangkan keuntungan dan tidak menjadi kesalahan jika dibuat satu-satu percubaan.

5.23 *ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Maksud B. 27, muka surat 147, Butiran 1. Saya hendak membangkitkan perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jasin tadi, ancaman Soviet Union dan Vietnam ke atas geo-politic di rantau ini.

Pada dua hari yang lepas, saya telah menyebutkan bahawa kekuatan tentera Soviet Union dari segi "blue ocean fleet", dengan izin, yang mendahului Amerika Syarikat terutamanya dari segi kapal-kapal terbang, dari segi kapal-kapal selam, dari segi peluru-peluru berpandu moden, khususnya SS. 20 yang ditempatkan di Teluk Cam Ranh.

Soviet Union mendahului Amerika Syarikat dengan banyak, mungkin kerana itulah Amerika Syarikat berdiam diri buat masa sekarang, dan pada pendapat saya kekuatan Soviet Union ini telah mengubah, menukarkan keadaan geopolitics di rantau ini. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan menimbang semula dasar Malaysia terhadap Soviet Union.

Saya pernah menyaksikan bahawa keangkuhan Soviet Union di dalam Persidangan Antarabangsa, khususnya semasa negara kita mengadakan satu Persidangan Palestine, sikap yang sangat angkuh dan begitu juga saya percaya di rantau Asia, di Asia Tenggara dengan kubu di Vietnam yang membolehnya menambahkan kekuatan tentera, Soviet Union tidak akan menghiraukan negara yang kecil seperti Malaysia.

Saya berharap Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri dapat mempergiatkan usaha untuk mengukuhkan ekonomi ASEAN, sepertimana yang telah saya sebutkan dua hari yang lepas, kita tidak mampu untuk menambahkan kekuatan

tentera kita sehingga dapat menghadapi ancaman Soviet Union. Sebaliknya, kita mempunyai keadaan ekonomi yang lebih baik kalau berbanding dengan Vietnam dan negara-negara ASEAN berpotensi untuk memperkuat, memperkukuhkan keadaan ekonomi. Oleh itu, saya berharap Yang Berhormat Mulia dapat mempertingkatkan usahanya supaya keadaan dan kekuatan ekonomi ASEAN dapat menjadi satu faktor untuk mempengaruhi Vietnam, kerana pada pendapat saya tanpa kubu seperti Vietnam bagi Soviet Union pengaruh Soviet Union tidak akan bertambah. Dan dari segi resolusi Bangsa-bangsa Bersatu memang strategi Malaysia dan negara-negara ASEAN adalah ke arah yang betul, kerana kita masih berjaya untuk mengekalkan Kerajaan Campuran Kampuchea (Kerajaan buangan). Walaupun begitu, hanya resolusi-resolusi daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Jasin bahawa tidak dapat mengundurkan tentera Vietnam dari Kampuchea.

Adakah kemungkinan Yang Berhormat Mulia bahawa dengan keadaan ekonomi Vietnam sekarang yang semakin hari semakin buruk, walaupun resiliencenya, resilience Vietnam itu beberapa tahun sudah berperang masih boleh bertahan diri. Adakah kemungkinan pihak Vietnam telah berusaha untuk dapat bantuan misalnya daripada ASEAN ataupun daripada Amerika Syarikat? Kerana saya tidak percaya Soviet Union dapat memberi bantuan ekonomi yang diperlunya kerana Soviet Union sendiri menghadapi masalah ekonomi yang besar, cuma bantuan tentera yang dapat diberi oleh Soviet Union kepada Vietnam. Dari segi ekonomi Vietnam adakah Kementerian Luar Negeri menyiasat hal ini, sama ada kita dapat mengubah sikap Vietnam, kita boleh beri bantuan

kepadanya jikalau Vietnam sanggup mengundur, sanggup berkompromi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak mengulangi bahawa negara kita patutlah menimbang semula dasar negara kita terhadap Soviet Union.

Yang kedua, usaha-usaha hendaklah dipertingkatkan untuk mengukuhkan ekonomi negara-negara ASEAN sebagai satu faktor untuk menentang pengaruh Soviet Union dan Vietnam.

Yang ketiga, dengan keadaan ekonomi kita dan negara-negara ASEAN yang kukuh, kita dapat tawar-menawar terhadap sikap Vietnam yang sanggup menduduki dan kekal di Kampuchea yang akan menjadikan Kampuchea sebagai salah satu wilayahnya.

*5.38 ptg.*

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):**  
Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 147, Butiran 2.1—Politik.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri yang telah dilantik sebagai Pengerusi Tetap Jawatankuasa ASEAN bagi tahun ini, dan saya berharap Yang Berhormat Mulia akan dapat menjalankan tugasnya dengan baik berdasarkan kepada pengalaman beliau yang luas dalam bidang luar negeri.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Yang Berhormat Mulia sekarang ini menduduki sebagai Pengerusi Tetap Jawatankuasa ASEAN, saya ingin menyarankan beberapa perkara dalam tajuk ini, dan saya fikir dapat memberi faedah kepada ASEAN pada keseluruhannya dan juga dapat mempertingkatkan lagi kedudukan dan juga keutuhan ASEAN sama dari segi ekonomi mahu pun dari segi politik.

Tuan Pengerusi, cadangan saya ialah kalaulah boleh Yang Berhormat Mulia dapat memikirkan kemungkinan dapat kita tubuhkan Parlimen di peringkat ASEAN, kerana beberapa faktor yang saya nampak dapat kita wujudkan Parlimen di peringkat ASEAN ini, misalnya, faktor-faktor sosial, ekonomi, pembangunan dan sebagainya, di kalangan negara-negara ASEAN adalah didapati agak sama dan ini pun juga telah menjadikan daripada satu asas di mana ASEAN dahulu ditubuhkan.

Dan juga di peringkat ASEAN ini kita menghadapi ancaman keselamatan, sama ada dari segi Kampuchea ataupun daripada kuasa-kuasa besar yang lain. Jadi saya rasa sampailah masanya kita memikirkan ASEAN kita menubuhkan satu Parlimen. Tambahan pula, Tuan Pengerusi, sistem demokrasi yang terdapat di dalam Negara-negara ASEAN kita ini adalah serupa, misalnya di Indonesia kita ada Dewan Perwakilan Rakyat, di Filipina kita ada Batasang Pembansa, Singapura begitu juga hampir serupa dengan Malaysia, di Thailand kita ada National Assembly, sistem demokrasi adalah serupa dan mungkin cara-caranya agak berlainan di antara satu sama lain, tetapi asasnya itu telah pun ada. Tambahan pula kalau kita bandingkan dengan EEC, mereka ada European Parliament. Jadi, apakah salahnya kita Negara ASEAN dapat mempertingkatkan lagi kerjasama serantau ini dengan menggunakan EEC dan juga European Parliament ini sebagai model untuk kita jadikan sebagai panduan.

Saya percaya masalah penubuhan Parlimen ASEAN ini adalah merupakan satu proses yang panjang dan akan menghadapi beberapa rintangan dan masalah, tetapi saya rasa masa dan ketikanya telah pun sampai bagi kita untuk memulakan

usaha-usaha ini. Misalnya, Tuan Pengerusi, sebagai peringkat permulaan kita boleh mengaturkan lawatan-lawatan Ahli-ahli Parlimen di antara Negara-negara ASEAN ini melawat di antara satu sama lain supaya mereka ini dapat berkenal dengan lebih rapat lagi, bermesra dengan lebih dekat lagi dan memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara ahli dan juga citarasa tiap-tiap Ahli Parlimen yang berkenaan.

Tambahan pula, saya percaya semenjak ASEAN ini ditubuhkan ramai Ahli-ahli Parlimen kita sekarang ini, sama ada di negara kita, di Singapura ataupun di Negara-negara ASEAN yang lain terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen dari jenerasi baru, muda-muda belaka dan mungkin mereka ini tidak mengenali di antara satu sama lain. Jadi, elok kita anjurkan atau pihak Kementerian dapat mengadakan satu program lawatan di antara Ahli-ahli Parlimen bagi menuju ke arah penubuhan Parlimen ASEAN ini. Sungguhpun sekarang ini kita ada AIPO, tetapi AIPO ini adalah merupakan satu pertemuan tahunan yang agak rasmi, yang saya cadangkan supaya lawatan-lawatan yang tidak rasmi di mana kita dapat mengadakan perbincangan secara terbuka, secara ikhlas dan dari hati ke hati, secara tidak rasmi maksud saya.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, mungkin sebagai peringkat permulaan penyediaan penubuhan Parlimen ASEAN ini ialah masalah mengetahui dan menguasai bahasa-bahasa yang terdapat di Negara ASEAN ini. Misalnya, sungguhpun Indonesia dan Singapura, kita mungkin tidak menghadapi masalah, bahasanya serupa, ada bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dapat digunakan, tetapi di Thailand mungkin oleh kerana penguasaan bahasa Inggeris mereka tidak begitu kuat, bolehlah

kita mengadakan program-program di mana kursus bahasa Thai di antara Ahli-ahli Parlimen ataupun Pegawai-pegawai di Kedutaan dianjurkan. Dan juga di Filipina misalnya, bahasa Tagalog yang mempunyai hampir-hampir persamaan dengan bahasa Melayu di mana dapat kita anjurkan kursus dan dengan cara begini dapatlah kita menambahkan lagi kemesraan di antara pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kementerian Luar Negeri dan juga Ahli-ahli Parlimen yang terdapat di Negara ASEAN ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara 2.1 mengenai Politik juga, saya ingin menyentuh kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Mulia Menteri kepada satu soalan yang dikemukakan dalam Dewan tadi, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar, masalah peranan Jawatankuasa Damai OIC di mana negara kita Malaysia menjadi salah satu daripada 8 Negara Islam untuk mengatasi masalah Iran dan Iraq. Sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri tadi sungguhpun rangka penyelesaian damai telah pun dikemukakan kepada kedua-dua belah pihak, iaitu Iran dan Iraq, tetapi malangnya mereka ini menolak rangka ini. Saya rasa ini adalah merupakan satu perkara yang agak mendukacitakan kita kerana negara kita Malaysia sebuah negara yang dihormati, bukan sahaja di kalangan Negara-negara OIC tetapi juga di kalangan pertubuhan-pertubuhan yang lain, misalnya Pertubuhan Negara-negara Berkecuali dan juga di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri, semasa Negara-negara Islam memilih keanggotaan jawatankuasa Damai ini sebanyak 8 buah negara kesemuanya, kenapa 8 buah negara sahaja yang dipilih, kerana saya percaya yang

menjadi anggota Negara-negara Islam ataupun OIC ini adalah ramai, kenapa 8 buah negara sahaja dan adakah pemilihan 8 buah negara ini bagi menganggotai Jawatankuasa Dewan ini dipersetujui oleh Iran dan Iraq, negara yang terlibat. Saya percaya mungkin oleh kerana sebab-sebab yang saya sebutkan tadi Iran dan Iraq tidak menerima rangka penyelesaian damai yang dikemukakan oleh Jawatankuasa yang berkenaan ataupun juga kemungkinan kedua-dua negara ini telah pun dipengaruhi oleh permainan kuasa-kuasa besar, terutama sekali Amerika Syarikat dan juga Soviet Union. Jadi, tidakkah Yang Berhormat Mulia Menteri terfikir bahawa 8 negara yang menjadi anggota ini dilibatkan sama kuasa-kuasa besar yang berkenaan ataupun tidakkah Yang Berhormat Mulia Menteri terfikir bahawa perkara ini dapat kita bawa kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Itu pertanyaan saya. Saya percaya perkara ini dapat kita selesaikan dengan cara yang baik.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya ingin menyentuh P. 27, muka surat 148, Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut di mana pada tahun 1985 ini peruntukan secara langsung telah pun diberi sebanyak \$29 juta. Saya percaya peruntukan-peruntukan yang diberikan ini adalah bertujuan untuk membayar sewa menyewa pejabat-pejabat di luar-luar negeri. Bagi tujuan ini, di bawah Butiran ini, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Luar Negeri ataupun pihak Wisma Putra dapat mencari jalan supaya semua pejabat-pejabat kita di luar negeri, kalau boleh, janganlah kita sewa daripada bangunan-bangunan asing. Kalau boleh, kita mesti adakan bangunan kita sendiri, cari tanah kita sendiri dan apabila kita mempunyai tanah sendiri, saya percaya senang dapat kita mempunyai aset dan dapat kita melakukan sesuatu dengan

senang, terutama sekali masalah menempatkan Pegawai-pegawai Kedutaan kita di luar negeri.

Saya mencadangkan di sini supaya pihak Kementerian dapat mencari jalan supaya mengadakan satu penempatan secara pusat ataupun satu konsep penempatan pemusatan, tidaklah pegawai-pegawai kita di luar negeri menyewa rumah dan pejabat yang jauh di antara satu sama lain. Kalau boleh, kita tempatkan mereka ini dalam satu tempat supaya senang kita hubungi di antara satu sama lain dan kalau boleh juga, supaya pejabat dan tempat tinggal (apartment) mereka ini dalam satu bangunan yang khusus.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan untuk Kementerian Luar Negeri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri hendak menjawab?

*5.50 ptg.*

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Yang Berhormat, semuanya 5 orang Yang Berhormat telah pun memberikan teguran dan pandangan. Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan ini. Sukalah saya memberikan beberapa pandangan ataupun response, dengan izin.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah pun membawakan isu yang mana di negara Australia perasaan anti orang Asia. Benarlah adanya berlaku peristiwa yang membawakan iaitu perasaan anti orang-orang Asia sepertimana beliau telah pun berkata juga iaitu ini kemungkinan oleh sebab adanya beberapa orang-orang pelarian daripada Vietnam yang telah pun mengambil peluang-peluang

pekerjaan mereka. Sebab itulah perasaan ini ada manifestasinya oleh orang-orang Australia dan perasaan ini juga telah pun melibatkan kepada pelajar-pelajar kita yang ada di Australia.

Sukalah saya mengatakan bagi pihak kita sentiasa mengawasi keadaan ini supaya kedudukan pelajar-pelajar kita tidak akan menjadi mangsa kepada perasaan anti orang-orang Asia ini dan Pesuruhjaya Tinggi kita yang ada di Australia dan juga Pejabat-pejabat Pelajaran (Students Department) di sana akan mengambil beberapa kawalan dan usaha supaya mengelakkan tindasan-tindasan ataupun menjadi mangsa pelajar-pelajar kita kepada perasaan ini.

Sukalah saya memberikan beberapa jaminan yang boleh supaya perkara ini tidaklah terjejasnya pelajar-pelajar kita yang terdapat di sana.

Di dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini ke Australia, di dalam perbincangan dengan Perdana Menteri Australia, kuota pelajar-pelajar kita telah pun dibincangkan dan apa yang telah diberi tahu oleh Perdana Menteri Australia, kuota untuk pelajar-pelajar kita pada tahun ini dan juga pada tahun akan datang akan ditambahkan lagi supaya tempat-tempat di institusi-institusi tinggi di Australia sentiasa diberi kepada pelajar-pelajar kita. Bahkan sepertimana yang telah pun dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepasnya kembali daripada Australia mengatakan kemungkinan diadakan satu arrangement, dengan izin, iaitu universiti-universiti di Australia mengambil pelajar-pelajar hanya di tahun yang ketiga ataupun yang keempat ataupun yang kedua supaya pada tahun awalnya iaitu satu dan dua diadakan di Malaysia untuk

mengurangkan tempat di sana dan dibanyakkkan lagi penuntut-penuntut kita dapat belajar di Australia.

Kita mengucapkan ribuan terima kasih di atas perkara kuota yang telah pun diberikan jaminan untuk ditambahkan dan seperti bayaran fees kita pun bangkitkan juga supaya tidak akan menyusahkan penuntut-penuntut kita dan ibu-bapa mereka untuk membayarkan bayaran sekolah ataupun tuition yang perlu dibayarkan oleh anak-anak mereka. Jadi sentiasalah kita bagi pihak penuntut, Kerajaan Malaysia, Pesuruhjaya Tinggi kita dan juga Jabatan Pelajar-pelajar kita yang ada bertempat di sana mengambil semua usaha supaya penuntut-penuntut kita tidaklah susah dari segi tempat duduk dan juga bayaran untuk belajar di universiti ini.

Tuan Pengerusi, bersabit dengan mengatakan okestra yang tidak dapat melawat ke Malaysia, sukalah saya mengatakan negara kita Malaysia ini seperti yang tercatat di dalam Perlembagaan kita mengamalkan satu dasar demokrasi, dasar yang kita tidak racist, dengan izin, ataupun tidak memberikan apa-apa halangan kepada satu-satu bangsa dan juga kita tidak ada perasaan anti-Semitic dan sebagainya dan kita sentiasa mengamalkan corak demokrasi yang mana kita telah pun catatkan dalam Perlembagaan. Jikalau ada satu-satu pertelingkahan ataupun perlawanan di antara amalan yang dibuatkan oleh Kerajaan ataupun siapa-siapa maka tindakan boleh diambil mengikut Perlembagaan, baik pun di mahkamah ataupun cara-cara yang lain untuk menuntut hak asasi yang tercatat oleh mereka yang dianiaya sekiranya berlawanan dengan Perlembagaan.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching ada juga membangkitkan soal ZOPFAN. Sukalah saya menangguhkan jawapan ZOPFAN ini kepada teguran-teguran yang

dibuatkan oleh beberapa orang Yang Berhormat yang telah pun bercakap di dalam peringkat Jawatankuasa ini.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Bagan Datok yang telah pun memberi tahniah kepada Kementerian Luar Negeri dan pegawai-pegawainya dan telah pun menegur sedikit-sebanyak bersabit dengan peranan pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri.

Dalam membangkitkan imej negara kita Malaysia ini dan juga segi untuk memperkenalkan negara kita, peranan negara kita di arena antarabangsa dan juga bersabit dengan peranan pegawai-pegawai kita di dalam untuk menarik pelabur-pelabur daripada luar negeri kepada negara kita, saya suka menekankan di sini iaitu adalah menjadi dasar Kerajaan kita dan juga dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri supaya kita menekankan sama pentingnya iaitu kepentingan ekonomi yang boleh membangkitkan ekonomi negara kita sama juga menekankan kepentingan politik pada masa yang lepas telah pun ditumpu oleh Kementerian Luar Negeri yang telah pun menjadi dasar Kementerian Luar Negeri dan Kerajaan supaya penumpuan kepada kepentingan ekonomi, kalau tidak sama, adalah lebih juga tinggi kepentingannya dalam soal politik untuk membangkitkan imej negara kita di pandangan antarabangsa.

Sukalah saya menerangkan iaitu bersabit dengan Yang Berhormat dari Bagan Datok telah pun mengatakan pelajar-pelajar kita kekurangan berita-berita. Ini sering dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat pada masa-masa yang lepas kerana penuntut-penuntut kita yang ada di luar negeri lebih kurang 50,000 penuntut. Di Amerika Syarikat sahaja ada 24,000, di Great Britain lebih kurang 12,000 dan di tempat-tempat lain lagi jumlah semua hampir

50,000. Jikalau sekiranya kita terpaksa menghantarkan suratkhbar ataupun berita kepada tiap-tiap mereka, mungkin ini akan menelan perbelanjaan yang begitu tinggi tetapi kita ada mengeluarkan Malaysian Digest dan juga berita-berita cara telex dihantarkan kepada pusat-pusat pelajar-pelajar kita yang ada di luar negeri supaya mereka sentiasa dapat berita-berita daripada negara kita Malaysia dan juga bersabit dengan dasar-dasar Kerajaan kita. Setakat mana yang boleh iaitu Menteri-menteri sentiasa membuatkan lawatan dan mengadakan perjumpaan dengan penuntut-penuntut di sana.

Saya ada bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tatkala melawat Australia dan New Zealand dan di tiap-tiap tempat, bandar dan bandaraya kita telah mengadakan perjumpaan dan di sana berucap dan mengadakan dialog. Banyak saya rasa daripada perjumpaan ini adalah sangat memuaskan oleh sebab hasil perjumpaan itu adalah begitu menarik. Baharu-baharu ini kita mengadakan perjumpaan dan tidak kurang daripada 600 pelajar yang datang ke Chicago untuk mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mereka sangatlah tertarik di atas peluang mendengar penjelasan-penjelasan yang lanjut selama 2½ jam yang mana Yang Amat Berhormat berdialog dengan mereka di antara 500 ke 550 orang pelajar-pelajar kita.

Pemimpin-pemimpin kita bukan sahaja terdiri daripada Menteri bahkan juga pegawai-pegawai Kerajaan sentiasa digalakkan untuk berjumpa dengan penuntut-penuntut kita, bahkan saya juga menggalakkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir di dalam persidangan antarabangsa dan sekiranya dapat berjumpa dengan penuntut-penuntut kita untuk dapat penjelasan lanjut bersabit dengan

satu-satu perkara ataupun isu yang mungkin mereka berhasrat untuk mendengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Getah, timah, kelapa sawit adalah commodities yang penting dikeluarkan oleh negara kita dan Kementerian Luar Negeri sentiasa memainkan peranan dalam persidangan antarabangsa bersama dengan GATT, UNCTAD dan badan-badan antarabangsa yang lain yang mana boleh dikatakan kita telah pun berjaya menarik beberapa negara dalam dunia ini untuk bersetuju menubuhkan "Common Fund" dan juga bersetuju menubuhkan Perjanjian ICA (Integrated Commodities Arrangement) sepertimana kita terdapat INRA dan juga Perjanjian Timah Antarabangsa (International Tin Agreement), dan juga perjanjian commodity ataupun bahan mentah yang lain termasuklah koko, gula dan sebagainya.

Ini adalah penting semata-mata supaya harga-harga commodities seperti getah, timah dan kelapa sawit tidak begitu turun rendah dan naik tingginya dengan tidak ada sebab-sebab yang tertentu. Kadangkala berlakunya turun naik harga-harga oleh sebab manipulasi ataupun spekulasi beberapa orang di atas harga-harga commodity ini. Maka ini adalah penting supaya dengan adanya perjanjian ini turun naik harga getah, timah dan kelapa sawit dan barangan-barangan yang lain tidaklah tertakluk kepada spekulasi atau manipulasi satu-satu golongan daripada negara-negara yang telah maju ataupun developed countries, dengan izin.

Kita sentiasa memainkan peranan bersama dengan Kementerian-kementerian lain iaitu Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain supaya kita sentiasa dapat mengekalkan ke paras harga getah yang sesuai yang mana

dipanggil harga remunerative, dengan izin, dan boleh memberi jaminan kepada peneroka-peneroka yang ada di kawasan tanah seperti FELDA dan sebagainya kedudukan mereka terjamin.

Sukalah juga saya menyentuh bersabit dengan tindakan susulan (follow-up) yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Bagan Datok selepas lawatan Menteri-menteri, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya. Ini sentiasalah dilakukan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan kerana laporan sentiasa dibuat dan tindakan akan diambil kepada susulan-susulan yang perlu dibuat selepas sahaja lawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri dan sebagainya.

Sukalah saya menyatakan bahawa kita sentiasa mengkaji dan ada koordinasi untuk susulan ini dibuat oleh Kementerian yang berkenaan dan Kementerian Luar Negeri sentiasa menjadi orang tengah (coordinator) supaya tindakan susulan akan dibuatkan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Jasin telah pun menyuarakan bersabit dengan wawancara di dalam radio bersabit dengan Deklarasi Kuala Lumpur tahun 1971 bersabit dengan Konsep ZOPFAN. Saya suka menjelaskan jikalau ada samaran-samaran yang barangkali tidak begitu terang sukalah saya menjelaskan di sini bahawa Kerajaan kita sentiasa committed kepada ZOPFAN (Zone of Peace, Freedom and Neutrality) ataupun Kawasan Aman, Bebas dan berkecuali ini. Apa yang mungkin telah pun saya menyuarakan iaitu adalah bersabit dengan perlaksanaannya. Buat masa sekarang ini sepertimana kita seringkali berkata ZOPFAN ini bukanlah dapat dilaksanakan dengan sebegitu sahaja. Kita mesti mengambil masa, adanya proses ini mengambil masa. Saya

mungkin tidak dapat merangkakan time ratenya tetapi kita akan sentiasa menjalankan dan negara-negara ASEAN telah melantik satu kumpulan task force untuk cara manakah kita dapat melaksanakan Konsep ZOPFAN ini.

Dahulu selepas peperangan Vietnam kita sangat berasa positif di atas konsep ini, mungkin ianya dapat dilaksanakan. Tetapi tidak berapa lama, beberapa tahun selepas itu kita telah tergendala oleh sebab peperangan yang berlaku di Kampuchea yang mana Vietnam melanggar, memasuki dan menakluki Kampuchea ini. Maka hancurlah harapan kita, negara-negara ASEAN yang telah pun mengeluarkan deklarasi tahun 1971 di Kuala Lumpur ini.

Sekali lagi saya sukalah menjelaskan iaitu kita committed tetapi cara manakah kita kena ada "phase in" kerana kita terdapat di negara Asia Tenggara ini super-powers' rivalry iaitu China dengan Soviet, Amerika pun ada juga dan ada pengkalan-pengkalan tenteranya di setengah-setengah negara di Asia Tenggara ini. Tetapi kita mesti ingat jikalau satu pihak sahaja iaitu satu super-power sahaja mengeluarkan tentera-tentera, alatan-alatan peperangannya daripada kawasan ini dan pihak satu lagi ada, ini tidak akan menjamin Konsep Aman, Bebas dan Berkecuali.

Yang Berhormat dari Jasin mengatakan mungkin perjanjian di Thailand ada dengan super-power yang tertentu. Ada juga perjanjian di Manila dengan satu-satu kuasa super-power yang tertentu.

Kita mesti ingat, Tuan Pengerusi, iaitu Cam Ranh Bay adalah satu tempat yang mana alatan-alatan tentera yang begitu besar ada ditempatkan di sana. Maka perkara ini

mestilah saya rasa kita berwaspada, ancaman-ancaman itu mestilah kita berwaspada. Kita berharap mereka itu sentiasa menghormati konsep itu dan mengundurkan diri pada satu ketika yang akan datang supaya kawasan ini menjadi satu kawasan aman, bebas dan berkecuali. Selagi ada satu-satu golongan dan golongan yang satu lagi dikeluarkan, saya rasa tidak akan menjadikan kebaikan dan menjamin kawasan ini sentiasa menjadi satu kawasan aman bebas dan berkecuali. Sebab itulah kita sering berkata konsep ZOPFAN ini mestilah di "phase in" dan "phase out" dan sebagainya. Jadi kita mestilah bersabar di atas hal ini. Oleh sebab itu, saya suka jelaskan kepada Dewan yang mulia ini iaitu kita sentiasa komited kepada konsep aman, bebas dan berkecuali ini.

Dan saya sukalah mengatakan iaitu pelaksanaannya, oleh sebab setengah-setengah negara mungkin kita tidak perlulah jaminan lagi buat masa sekarang ini, oleh sebab dengan adanya jaminan dengan tidak begitu tepat, mungkin di atas sokongan yang diberikan kepada konsep ZOPFAN ini menjadikan konsep ini mengecewakan sebagai, dengan izin, "kiss of death" kepada konsep ini. Jadi sebab itulah saya rasa pelaksanaan proses konsep ini kita berwaspada tetapi saya ingin menjelaskan sekali lagi kita committed kepada ZOPFAN melalui Deklarasi Kuala Lumpur 1971 itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada Ahli yang bangun di belakang sana, hendak beri jalan?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Saya beri jalan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Tanya tak boleh, minta penjelasan boleh.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Maaf. Saya ingin mendapat penjelasan dari segi kita telah meletakkan dasar bahawa kita berkehendakkan kawasan kita ini sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali dari segi pengakuan negara-negara ASEAN sahaja, sebab kita berpegang teguh kepada Pertubuhan Negara ASEAN. Setakat mana atau sejauh manakah negara ASEAN kita ini telah membuat sesuatu yang konkrit dan betul-betul untuk mempertahankan konsep Yang Berhormat Mulia terangkan itu?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Sepertimana Dewan ini sedia maklum, Deklarasi Kuala Lumpur telah ditandatangani, secara prinsipnya negara-negara ASEAN telah memberikan sokongan dan akan mengimplementasikannya tetapi oleh sebab-sebab yang tertentu, maka proses pelaksanaannya tak dapat dijalankan. Dalam segi perkara bersabit, baik dalam hal Kampuchea, Afghanistan, Lebanon, maka kerjasama dan sokongan dari kuasa-kuasa besar adalah penting. Sebab itulah saya rasa, kita berharap kuasa-kuasa besar menghormati dan memberikan kerjasama kepada konsep ini.

Jika negara-negara ASEAN sahaja, enam negara ASEAN sahaja yang mengamalkan konsep ini, maka saya rasa kita tak dapat mencapai matlamat hendak melaksanakan dasar ataupun konsep aman, bebas dan berkecuali itu di kawasan Asia Tenggara ini. Jadi kerjasama daripada kuasa-kuasa besar adalah penting untuk mempraktikkan dasar itu. Jadi apa yang diperkatakan dengan hanya kita bergantung kepada diri kita sendiri, kemungkinan kita tak dapat melaksanakan secara praktiknya konsep aman, bebas dan berkecuali itu.

Tuan pengerusi, Kampuchea telah pun juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Jasin. Memanglah

pandangan-pandangan beliau itu ada difikirkan oleh pihak ASEAN dan juga sahabat-sahabat kita yang lain iaitu bersabit dengan tentera-tentera daripada negara yang ketiga seperti negara-negara "non-aligned". Bahkan juga di dalam perbincangan saya pada bulan lepas di antara saya dengan Menteri Luar Vietnam, Nguyen Co Thach, saya telah pun berhubung dengan "International Control Commission" (ICC) yang mana cadangan kita juga beberapa negeri daripada ASEAN kemungkinan juga penting dimasukkan sama dalam ICC ini ataupun juga dipanggil dengan istilah yang lain "International Peace-Keeping Force".

Jadi apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jasin tadi ada dalam pandangan kita, untuk kita mengkaji seberapa yang boleh sekiranya cadangan-cadangan itu dapat diterima oleh pihak Vietnam. Kita sentiasa berusaha cara manakah kita dapat supaya perkara ini dapat diterima dan dapat dilaksanakan di Kampuchea iaitu kita telah pun menekankan betapa pentingnya jika satu pilihanraya bebas hendak dilaksanakan iaitu tentera asing mesti dikeluarkan iaitu tentera Vietnam. Jika hendak diadakan satu pilihanraya bebas, selagi ada tentera Vietnam di sana, maka kita tak boleh sifatkan pilihanraya itu bebas atau sebenar-benarnya bebas. Sebab itulah kita menekankan iaitu dengan adanya tentera "International Peace-Keeping Force" seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jasin itu adalah penting untuk menjamin pilihanraya bebas, yang betul-betul bebas, betul-betul "free" dapat dilaksanakan supaya rakyat Kampuchea dapat hak asasinya kembali untuk memilih pemimpin mereka, cara mereka, negara mereka patut dipimpin dan siapakah pemimpin-pemimpinnya. Maka ini adalah penting supaya perkara ini dapat dijalankan.

Benar apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jasin sekiranya di antara 5-10 tahun perkara ini tak dapat diselesaikan, mungkin Kampuchea lenyap dan hilang, bangsa Khmer tidak akan ada dalam dunia. Perkara ini telah kita kemukakan kepada pihak antarabangsa dan isu "Vietnamization" iaitu membawakan orang-orang Vietnam ke Kampuchea telah menjadikan satu masalah yang boleh menghapuskan atau melenyapkan bangsa Khmer atau bangsa Kampuchea yang ada di Kampuchea dan mungkin pada satu ketika Kampuchea itu mungkin tidak ada lagi Kampuchea, tetapi menjadi satu negara yang bersama dengan Vietnam.

Kita telah pun menyuarakan keadaan ini tetapi apa boleh buat, oleh sebab United Nations (Bangsa-bangsa Bersatu) tidak ada "gigi" yang mana boleh membuang begitu sahaja, kerana tidak ada siapa yang sanggup pergi melawan Vietnam dengan cara kekerasan menghalaukan balik tenteranya. Inilah sebabnya resolusi demi resolusi, tahun demi tahun kita mengeluarkan resolusi dengan sokongan yang begitu banyak—tahun ini kita telah menambahkan daripada 105 kepada 110 sokongan—ini satu pertanda yang baik iaitu sokongan yang mana ASEAN dan negara-negara lain sering mengeluarkan suara untuk mendapatkan sokongan, tetapi kita tak dapat menghalaukan Vietnam buat masa sekarang ini kerana degilnya mereka.

Dan Vietnam pada hemat dan perasaan saya, mereka tidak lagi hendak mengeluarkan diri mereka daripada Kampuchea. Selagi mereka tidak berhasrat dengan jujur hendak keluar daripada Vietnam dan kita tak dapat laksanakan tujuan kita, tetapi bagi pihak ASEAN sentiasa mencari jalan, berbincang dan berunding mengenai Vietnam ini dapat satu

pandangan yang sama maka dapat mengeluarkan tenteranya daripada Kampuchea kerana kita tahu Vietnam telah 30 tahun lebih tidak tahu apa erti keamanan, apa erti kestabilan dan apa erti "effluent" masyarakat mereka. Mereka telah melihat hanya peperangan sahaja tetapi apa boleh buat mereka tidak sedar di atas keadaan ini, bahkan negara-negara ASEAN begitu maju di dalam bidang ekonomi yang begitu baik.

Saya sukalah menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong iaitu kita sentiasa memberikan pertolongan. Sebelum Vietnam melanggar Kampuchea, Malaysia telah memberikan peruntukan sebanyak tak kurang daripada \$1 juta untuk memperbaiki "plantation", kebun getah mereka yang telah pun dimusnahkan di dalam peperangan, tetapi apabila mereka (Vietnam) melanggar Kampuchea, kita telah pun mengatakan kepada Vietnam: Dukacita kita tidak menyambungkan bantuan itu, oleh sebab mereka telah melanggar prinsip-prinsip antara-bangsa, norma-norma antarabangsa yang mereka telah melanggar Kampuchea.

Kita telah menerangkan dan kita sanggup sekiranya mereka keluar daripada Vietnam mengembalikan bantuan ini balik kepada Vietnam. Saya juga ada kesanggupan dan juga jaminan daripada beberapa negara yang lain sekiranya Vietnam keluar, mereka sanggup memberikan bantuan dan kerjasama memulihkan ekonomi Vietnam dan Kampuchea kepada taraf yang tinggi setanding dengan yang terdapat di negara-negara jiran yang ada di Asia Tenggara ini. Jadi, itulah pandangan yang saya suka menyuarakan daripada . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun. Hendak minta jalan atau apa?

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta jalan. Tuan Pengerusi, apa yang saya mencadangkan tadi ialah supaya kita beri bantuan atas syarat. Syarat itu telah disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia: jikalau mereka tidak undur, kita tidak akan membantu. Itu satu syarat yang penting.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Pengerusi, kita telah memberitahu syarat itu tetapi mereka sanggup tinggal kekal di Kampuchea walaupun mereka seksa dan sebagainya. Kita harap mereka menyedari hakikat sebenarnya iaitu jikalau mereka undur, mungkin mereka dapat memulihkan ekonomi negara mereka. Buat masa sekarang ini mereka enggan mengeluarkan diri daripada Kampuchea.

Tuan Pengerusi, kita sentiasalah akan bergiat untuk mencapai matlamat kita supaya keamanan kembali balik ke Kampuchea dan kita dengan negara-negara ASEAN yang lain telah pun menjalankan usaha yang begitu gigih untuk mencapai matlamat ini. Selagi adanya pertelingkahan di Kampuchea, selagi itulah Asia Tenggara ini tidak terjaminnya keamanan dan kestabilan dan selagi itulah ZOPFAN mungkin tidak dapat dicapai matlamatnya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Jasin juga menyentuh bersabit dengan perdagangan luar negeri yang mana Trade Commissioners patut diberikan kerjasama yang penuh iaitu kerjasama di antara Kedutaan-kedutaan kita dengan Trade Commissioners. Sepertimana saya sebutkan tadi, kita telah pun menekankan betapa pentingnya ekonomi, bahkan di dalam beberapa tahun yang lepas ini kita menekankan banyak kepada soal ekonomi. Kedutaan-kedutaan kita juga diberi latihan-latihan supaya mereka itu memahami dengan lebih banyak lagi

kedudukan ekonomi yang terdapat di negara kita, ekonomi antarabangsa dan ekonomi-ekonomi negara-negara yang lain, bahkan satu daripada cadangan kita untuk Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri ini ialah apabila Duta-duta kita, pegawai-pegawai kita balik, kita membawakan mereka melawat kilang-kilang dan juga PETRONAS dan sebagainya supaya mereka memahami apakah keadaan sebenarnya.

Saya sukalah mengatakan iaitu apabila saya ditukar tahun 1981 dahulu daripada Kementerian Luar Negeri ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya tidak tahu banyak berkenaan hal ini, bahkan saya tidak tahu apakah makna "float glass". Bila seorang dari Jepun datang jumpa saya dan mengatakan dia hendak membuat float glass, saya tidak pernah dengar float glass. Hendak tanya dia malu kerana Menteri, hari yang pertama. Jadi, sambil saya bercakap dengan orang Jepun itu dapatlah saya brochure, jadi dapatlah baca makna float glass. Saya tidak perlulah terangkan apakah makna float glass. Oleh sebab masa tidak begitu mengizinkan, kalau saudara hendak tahu boleh tanya saya di luar sekejap lagi.

Tuan Pengerusi, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Kepong, saya telah pun menjawab bersabit dengan Vietnam dan sebagainya. Jadi, sebagai jawapan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Kepong dan juga Jasin, Bagan Datok, Kemaman dan sebagainya, sukalah saya mengatakan bahawa kita sentiasa akan memberikan usaha yang gigih untuk mencari penyelesaian dalam hal ini.

Kita sentiasa akan memberikan tumpuan kepada ekonomi ASEAN dan baru-baru ini ASEAN telah pun banyak meningkatkan kerjasama seperti AIP (ASEAN Industrial

Project), AIC (ASEAN Industrial Complementation) dan baru-baru ini Kerajaan kita sentiasa menekankan kepada AIJV iaitu (ASEAN Industrial Joint Venture). Dengan ini kita sentiasa akan menekankan supaya ekonomi ASEAN keseluruhan dimaju dan kita telah pun dengan persetujuan mengadakan PTA di antara negara-negara ASEAN dan kalau tidak salah saya lebih daripada 10,000 items telah pun kita mengeluarkan untuk persetujuan di mana kita dapatkan "Preferential Tariff Arrangements" di antara kita dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Kita sedar iaitu pengaruh Soviet Union ini adalah pengaruh yang boleh juga mengancamkan kestabilan kita, keamanan kita dan sebagainya, dan kita sentiasa mengawasi kedudukan ini dan sama juga saya rasa Kuasa-kuasa Besar yang lain. Yang Berhormat dari Kepong hanya menyentuh bersabit dengan Soviet Union sahaja tetapi sukalah saya mengata bahawa iaitu kita sentiasa suka mengamalkan dasar non-alignment. Kita tidak berpihak dengan pihak-pihak Kuasa Besar tetapi sentiasa mengamalkan apa juga dasar yang penting yang memberikan kebaikan kepada negara kita khususnya dan ASEAN amnya dan keamanan dan kestabilan di negara-negara Asia Tenggara ini.

Tuan Pengerusi, benarlah Amerika Syarikat tidak begitu campur diri bersabit dengan masalah di Kampuchea tetapi ini saya rasa baik juga oleh sebab kalau diadakan campur tangan mungkin akan menjadikan satu daripada "escalation" di antara Super Powers yang boleh membahayakan lagi ancaman-ancaman kestabilan kepada Asia Tenggara ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kemaman telah menyentuh betapa baiknya jikalau ASEAN mengadakan satu Parlimen bersama

ataupun mengadakan perbincangan-perbincangan dengan cara informal di atas masalah-masalah bersabit dengan ASEAN, ekonomi ASEAN dan sebagainya. Ini adalah perkara yang baik yang mana buat permulaannya AIPO telah pun mengadakan perbincangan ini. Cara kita hendak merasmikan kedudukan ini adalah perkara yang perlu diteliti, dikajikan sehalus-halusnya supaya hasil perbincangan ini dapat memberikan hasil optimum supaya kita dapat keuntungan keseluruhannya kepada negara-negara ASEAN dari segi ekonomi, keselamatan dan juga kestabilan Asia Tenggara ini.

Bagi pihak saya, saya bersetuju sangatlah sekiranya satu-satu perjumpaan ataupun lawatan dapat diadakan di antara Ahli-ahli Parlimen kita ataupun Senate kita yang boleh membuat lawatan serta perbincangan. Saya rasa masalah bahasa tidak menjadikan masalah yang sulit oleh sebab mungkin kita tahu sedikit sebanyak Inggeris dan mereka pun tahu sedikit sebanyak Inggeris untuk membicarakan satu-satu isu yang penting yang perlu dibawa oleh kita ataupun oleh mereka di dalam perbincangan-perbincangan itu.

Bersabit dengan Jawatankuasa Damai Islam, Yang Berhormat dari Kemaman telah mengatakan kenapa lapan negara sahaja dan adakah lapan negara ini dapat kelulusan daripada Iran dan Iraq. Jawatankuasa Damai Islam ini telah dilantik di Taif kalau tidak salah saya pada Januari atau Februari, 1981 yang mana Iran tidak hadir di sana tetapi kesemua negara-negara yang hadir di sana memilih lapan negara termasuklah Malaysia dan ahli yang ke sembilan ialah Secretary General OIC iaitu Habib Chatti.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tidak.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup. Jikalau sekiranya kita hendak menghabiskan dalam Jawatankuasa ini hendaklah adakan satu usul supaya mesyuarat ini tidak ditangguhkan sehingga selesai perkara yang dibincangkan.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Saya ada satu sentence sahaja lagi.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Hendak menghabiskan, kalau boleh.

**Tuan Pengerusi:** Satu sentence sahaja?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Mengenai bangunan sendiri, oleh sebab Yang Berhormat dari Kemaman telah mengatakan bahawa adalah penting kita mengadakan bangunan sendiri adalah menjadi dasar Kerajaan kita juga begitu tetapi buat masa sekarang ini kita masih lagi kurang wang oleh sebab inflation. Pada akhir-akhir ini kita harap kita akan adakan bangunan-bangunan kita sendiri dan kita tidak perlu menyewakan.

Akhirnya sekali lagi, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan, saranan dan juga teguran yang begitu constructive. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Itu adalah 10 sentences (*Ketawa*).

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$103,768,200 untuk Maksud B. 27 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$103,768,200 untuk Maksud B. 27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$29,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 27 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$29,000,000 untuk Maksud P. 27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*